


Jilid II
Bil. 13



Hari Jumaat
16hb April, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1397]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 1430]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Badan Berkanon Getah [Ruangan 1430]

Rang Undang-undang Badan-badan Berkanon [Ruangan 1456]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 1479]

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).**

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).**

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).**

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).**

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- „ **Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- „ **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- „ **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- „ **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- „ **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- „ **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- „ **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).**
- „ **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- " TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- " TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru)
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- " TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- " TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- " PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN EMBONG BIN YAHAYA, A.M.N. (Ledang).
- " TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- " TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- " TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- " DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

- Yang Berhormat TUN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- " TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N. P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUN LUHAT WAN (Baram).
- " TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUN MOHAMED SOPHIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUN HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLI MA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- " TUN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENKGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN HAJI DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 16hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
PENGEDAR BUMIPUTRA/PENGEDAR MINYAK PETROL DAN MINYAK TANAH**

1. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pengedar-pengedar minyak petrol dan minyak tanah bagi syarikat-syarikat minyak di negara ini; dan
- (b) memberikan bilangan dan peratus pengedar-pengedar Bumiputra bagi tiap-tiap buah syarikat minyak tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mostapha bin Ali):
Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kedudukan penyertaan Bumiputra sebagai pengusaha-operator pam minyak dalam syarikat minyak adalah seperti berikut:

**PENYERTAAN BUMIPUTRA SEBAGAI PENGUSAHA/OPERATOR PAM MINYAK DALAM
SYARIKAT MINYAK**

Syarikat	1974		1975	
	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Bumiputra	Bukan Bumiputra
Shell	69 (12.7%)	475	73 (14.7%)	422
Esso	33 (13.8%)	206	33 (13.8%)	206
B.P.	3 (4.3%)	66	6 (8.2%)	67
Mobil	6 (7.5%)	74	7 (8.6%)	74
Caltex	18 (11%)	147	22 (13.3%)	143
Jumlah ...	129 (11.76%)	968 (88.2%)	141 (13.4%)	912

Angka-angka di atas menunjukkan pada tahun 1974 terdapat sejumlah 1,097 buah stesyen minyak di Semenanjung Malaysia dan dari bilangan ini hanya 129 buah stesyen minyak sahaja dimiliki oleh Bumiputra. Bilangan stesyen minyak yang dimiliki oleh Bumiputra telah dapat ditambah sebanyak 12 dalam tahun 1975, dan ini telah menjadikan jumlah stesyen minyak Bumiputra kepada 141 berbanding dengan 912 stesyen minyak yang diusahakan oleh bukan Bumiputra. Penyertaan Bumiputra dalam aktiviti-aktiviti ini hanya bertambah dari 11.76% kepada 13.4% di antara tahun 1974 dengan 1975.

- (b) Berhubung dengan minyak tanah pula, di masa ini minyak tanah dibekal oleh 5 syarikat minyak iaitu Shell, Esso, Mobil, Caltex dan B.P. Syarikat Summit dan Singapore Petroleum Co. telah memberhentikan dari membekal minyak tanah ke Malaysia beberapa tahun yang lalu. Kedudukan Bumiputra dalam pengedaran minyak tanah adalah seperti berikut:

PENYERTAAN BUMIPUTRA DI DALAM PENGEDARAN MINYAK TANAH

Syarikat	1974		1975	
	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Bumiputra	Bukan Bumiputra
Shell	3 (2%)	106	13 (9%)	119
Caltex	2 (3%)	60	12 (20%)	60
Esso	14 (12%)	101	16 (14.5%)	110
Mobil	1 (1%)	59	2 (4%)	41
B.P.	2 (5%)	34	6 (15%)	34
Jumlah ...	22 (5%)	360 (95%)	49 (13.4%)	364 (86.6%)

Dalam tahun 1974 terdapat 22 pengedar-pengedar Bumiputra minyak tanah iaitu kira-kira 5% dari jumlah pengedar-pengedar dari sejumlah 360 pengedar-pengedar. Pada tahun 1975 kedudukan ini telah bertambah baik di mana terdapat 49 pengedar Bumiputra berbanding dengan 364 pengedar Bukan Bumiputra.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan setelah mengetahui kedudukan perbezaan yang jauh sangat di antara bumiputra dengan bukan bumiputra dalam masalah pengedaran minyak Petrol dan minyak tanah ini. Apakah tindakan Kementerian supaya dapat memperseimbangkan kedudukan bumiputra dalam masalah pengedaran minyak sesuai dengan rancangan ekonomi Kerajaan kita?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kementerian menyedari ketidak seimbangan ini dan seperti yang telah saya nyatakan memang berlaku pertambahan daripada tahun 1974-1975 dalam masa satu tahun. Dan langkah-langkah memang sedang diambil sekarang ini, terutamanya oleh pihak penyertaan bumiputra Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membanyakkan lagi penyertaan bumiputra dalam bidang ini.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian menjalankan satu sistem quota untuk menyesuaikan kedudukan bumiputra dalam perkara ini?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas dengan quota yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kalau boleh dijelaskan dengan lebih terang.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, maknanya telah mengetahui perkembangan pengedaran minyak yang berleluasan, tidakkah Kementerian menetapkan satu quota yang mana, misalnya, tiap-tiap satu negeri atau satu daerah apabila pam-pam minyak dibina ataupun hendak mengeluarkan lesen-lesen pengedaran ditetapkan supaya kadar 5% atau 10% pada tiap-tiap bulan atau tahun itu diuntukkan jumlah peratus yang tertentu untuk bumiputra.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini pertambahan kalau dikira peratus penyertaan bumiputra itu kalau stesyen yang baru itu didirikan, memang peratus itu meningkat tinggi, tetapi oleh kerana yang sebelumnya memang dipenuhi oleh bukan Melayu. Pada keseluruhan nampaknya peratus itu sedikit sedangkan pertambahan itu banyak. Dari segi quota itu oleh sebab perkembangan dari segi stesyen minyak dan sebagainya itu kadang-kadang terpaksa ditentukan oleh syarikat minyak itu sendiri. Jadi, sekarang ini masih belum diadakan satu quota yang tertentu.

CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

2. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa ramai ahli-ahli K.W.S.P. yang sudah berpencen sepanjang tahun 1974 dan 1975 yang belum dibayar balik wang carumannya. Nyatakan juga jumlah wang yang sudah dan belum dibayar;
- (b) apakah sebab-sebab yang menjadikan kelewatan Kerajaan menyelesaikan pembayaran balik K.W.S.P. kepada ahli-ahli yang sudah berpencen; dan
- (c) berapa peratuskah K.W.S.P. di Semenanjung Malaysia membayar kadar bunga setahun, ke atas baki kira-kira pembuka bagi kira-kira Pencarum dalam tahun 1975 dan adakah apa-apa perbezaan mengenai kadar bunga dengan Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu undang-undang K.W.S.P. (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) tidak diperuntukkan takrif umur persaraan bagi pencarum K.W.S.P. Seseorang ahli K.W.S.P. layak untuk memohon mengeluarkan semua carumannya apabila telah mencapai umur 55 tahun. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberikan bilangan pencarum yang telah bersara sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, bagi tahun 1975, sebanyak 24,586 permohonan dari pencarum-pencarum yang berumur 55 tahun telah diterima, dan hanya 19,879 permohonan telah diluluskan, dan jumlah yang telah dibayar berjumlah \$58.7 juta. Dalam tahun 1974, 26,893 permohonan telah diterima, 21,203 permohonan diluluskan, dan jumlah dibayar ialah \$53.7 juta. Ahli-ahli K.W.S.P. yang telah meningkat umur 55 tahun dan belum mengeluarkan wang carumannya akan terus sebagai ahli K.W.S.P. dan menerima faedah atau interest sehingga wang mereka dikeluarkan.

(b) Biasanya jarang berlaku kelewatan mengeluarkan wang simpanan pencarum apabila mereka telah meningkat umur 55 tahun. Jangka masa biasa yang diperlukan untuk memproses permohonan itu ialah lebih kurang 14 hari. Ada kalanya berlaku kelewatan disebabkan oleh perbezaan maklumat di antara borang permohonan yang dikemukakan, dengan rekod yang disimpan oleh K.W.S.P. Dalam hal ini penyiasatan dan pembetulan perlu dibuat. Sebilangan besar pencarum K.W.S.P. yang sekarang ini berumur dalam lingkungan 55 tahun adalah tidak mempunyai tarikh lahir (date of birth) di dalam surat pengakuan beranak masing-masing tetapi hanya mempunyai tahun dilahirkan (year of birth). Oleh itu, mereka dianggap layak mengeluarkan wang pada 1hb Januari tahun mereka mencapai umur 55 tahun. Akibatnya, tiap-tiap bulan Disember, adalah masa kemuncak (peak period) permohonan diterima dan permohonan yang tidak dapat diproseskan dan diluluskan pada tahun itu terpaksa dibawa ke hadapan (carry forward) pada bulan Januari dan Februari tahun berikutnya. Sekiranya berlaku kelewatan yang tidak berpatutan dan Ahli Yang Berhormat atau pencarum-pencarum K.W.S.P. mempunyai kes-kes tertentu seperti ini, bolehlah terus melapur kepada saya sendiri atau kepada K.W.S.P.

- (c) Kadar bunga yang dibayar kepada pencarum-pencarum K.W.S.P. Semenanjung Malaysia dan K.W.S.P. Sabah dan Sarawak adalah sama, iaitu 6.6% bagi tahun 1975. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ordinan K.W.S.P. memperuntukkan kadar faedah K.W.S.P. hendaklah ditetapkan selepas perakuan oleh seorang Aktuari berasaskan kedudukan kewangan K.W.S.P. pada akhir sesuatu tahun.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberi jaminan kepada Dewan ini untuk menyelesaikan bayaran K.W.S.P. balik kepada pekerja-pekerja dengan secepat mungkin.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, boleh.

PAMPASAN RANCANGAN SOCSO

3. **Tuan S. Samy Vellu** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada satu peruntukan boleh dibuat di bawah Ordinan SOCSO supaya seseorang pekerja boleh membuat tuntutan-tuntutan di bawah Civil Law Ordinan dan Common Law pada masa yang sama kerana pampasan di bawah rancangan SOCSO adalah sangat kecil.

Setiasaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (**Tuan S. Subramaniam**): Tuan Yang di-Pertua, satu kajian semula yang menyeluruh kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 sedang dijalankan sekarang oleh seorang pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO yang berkhidmat di Pertubuhan Keselamatan Sosial. Samada satu peruntukan akan dibuat di bawah Ordinan SOCSO supaya seseorang pekerja boleh membuat tuntutan-tuntutan di bawah Civil Law Ordinance dan Common Law pada masa yang sama sudah tentu akan bergantung kepada keputusan kajian semula itu. Walau bagaimanapun, saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peluang yang cukup akan diberi kepada wakil-wakil pekerja dan wakil-wakil majikan untuk mempelajari lapuran dan syor-syor pakar itu sebelum Rang Undang-undang yang perlu disediakan.

PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN

4. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan lesen pemaju-pemaju perumahan yang telah dibatalkan sejak 1974 hingga sekarang kerana melanggar Akta Pemaju-pemaju Perumahan; sila namakan pemaju-pemaju berkenaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (**Tuan Haji Ramli bin Omar**): Tuan Yang di-Pertua, setelah dan bila sahaja Kementerian ini mengetahui akan adanya pemaju-pemaju perumahan yang melanggar Akta Kaedah Mengawal dan Melesen Pemaju Perumahan, tindakan-tindakan pentadbiran dan sebagainya yang sewajarnya adalah diambil ke atas mereka itu. Di bawah tindakan pentadbiran terdapat

3 kes di mana lesen-lesen mereka tidak diperbaharui oleh Pengawal Perumahan. Walau bagaimanapun, apabila mereka membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri seperti yang dibenarkan di bawah Akta tersebut dan setelah dikaji akan kepentingan sah pembeli-pembeli pada keseluruhannya, maka lesen-lesen pemaju ini telah diperbaharui secara terhad dan tertakluk kepada beberapa syarat. Selain daripada tindakan pentadbiran Kementerian ini juga ada membuat pengaduan-pengaduan di beberapa Balai Polis sebagai langkah pendahuluan agar tindakan mahkamah boleh diambil ke atas mereka yang melanggar Akta Kaedah.

INTEGRATED SCHOOLS

5. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian bercadang hendak mengadakan "integrated schools" memandang kepada sejumlah besar rakyat Malaysia yang enggan menghantar anak-anak mereka ke Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan; jika ya, bila.

Timbalan Menteri Pelajaran (**Tuan Chan Siang Sun**): Tuan Yang di-Pertua, daripada angka pendaftaran murid-murid ke Sekolah Rendah Kebangsaan, tidak ada tanda-tanda jelas yang memerlukan pembinaan sekolah-sekolah "integrated" buat masa ini. Ingin saya tegaskan di sini bahawa murid-murid yang tidak belajar di Sekolah Rendah Kebangsaan, tetapi yang mendaftar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan akan akhirnya masuk ke dalam aliran kebangsaan semula selepas masuk ke Kelas Peralihan selama setahun manakala tamat Darjah VI di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan nanti.

SEKIM PAMPASAN AKIBAT PERBUATAN JENAYAH

6. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan samada Kerajaan akan memperkenalkan satu sekim pampasan untuk memberi wang sagu hati kepada mereka yang menjadi mangsa akibat kekecrasan perbuatan-perbuatan jenayah dengan memberi mereka bayaran ex-gratia daripada anggaran wang yang akan diluluskan oleh Parlimen untuk menjamin mangsa-mangsa yang kurang bernasib baik itu serta tanggungan-tanggungan mereka daripada terbiar dan tak berdaya akibat perbuatan-perbuatan jenayah orang-orang lain.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan iaitu pihak Kerajaan belum lagi bercadang mengadakan satu skim pampasan untuk memberi wang sagu hati kepada mereka yang menjadi mangsa akibat kekerasan perbuatan jenayah. Sungguhpun begitu, sekiranya ada mana-mana keluarga atau mangsa-mangsa kepada perbuatan jenayah itu hidup terbiar dan tidak berdaya disebabkan kemiskinan yang telah menimpa kepada mereka, pertolongan-pertolongan yang sewajarnya bolehlah didapati pada masa ini daripada Kementerian Kebajikan Am, dan adalah dipercayai pertolongan-pertolongan yang seumpama ini sudah tentu boleh diperluaskan lagi sekiranya perkara itu akan menjadi suatu masalaah sosial yang dihadapi oleh rakyat pada masa ini disebabkan oleh perbuatan jenayah.

PERBICARAAN DI MAHKAMAH DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PERLU

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang menyatakan jumlah bilangan orang-orang yang setakat ini diperintah menjalankan perbicaraan di Mahkamah sejak Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975, dikuatkuasakan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang yang diperintah untuk dibicarakan di Mahkamah sejak Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan), 1975 diadakan ialah 25 orang semuanya.

PEMBELIAN GETAH OLEH RISDA

8. Tuan Haji Abdul Wabab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapakah RISDA, telah berhenti membeli getah daripada kampung-kampung dan siapakah yang telah mengambilalih pembelian tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pembelian getah secara langsung dari pekebun-pekebun kecil oleh Kerajaan melalui RISDA telah diberhentikan pada 15hb Februari, 1976. Walau bagaimanapun, oleh kerana terdapat beberapa rayuan daripada pekebun-pekebun kecil supaya RISDA terus membeli getah daripada mereka, oleh kerana terdapat beberapa peniaga getah yang membeli harga

yang tidak berpatutan, maka RISDA sekarang sedang giat mengkaji supaya di mana pekebun-pekebun kecil tidak mendapat harga yang berpatutan, RISDA akan mengambil tindakan yang sesuai di dalam hal ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, rancangan untuk pembelian getah secara langsung ini adalah satu daripada rancangan jangka pendek Kerajaan yang telah dilancarkan dalam bulan Disember 1974 untuk menstabilkan harga getah dan memastikan bahawa getah yang dijual oleh pekebun-pekebun kecil mendapat harga sekurang-sekurangnya mengikut harga pasaran harian yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pada waktu itu harga getah sangatlah rendah pada kadar 97 sen sekilo, tetapi harga getah telah meningkat naik dan dalam bulan Mac 1976 paras harga getah telah lebih dari 190 sen sekilo.

Matlamat pembelian secara langsung oleh Kerajaan melalui RISDA itu telahpun tercapai memandangkan bahawa harga getah pada masa ini telahpun berada diparas yang tinggi. Kerajaan akan sentiasa mengawasi harga getah dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika harga getah didapati merosot.

SETABILAN HARGA GETAH

9. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada rancangan penstabilan harga getah telah hilang dorongan serta impetusnya untuk memenuhi objektifnya untuk mendapatkan harga yang adil untuk getah dan jika tidak, nyatakan sebab-sebab yang melambatkan dari diedarkan satu sekim yang dipersetujui oleh negara-negara penge-luar getah yang besar.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidaklah benar dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa kita telah hilang dorongan serta impetus untuk memenuhi objektif bagi mendapat harga getah yang adil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang sebenarnya Rancangan Penstabilan Harga Getah masih mendapat perhatian utama negara-negara yang terlibat. Malah baru-baru ini negara-negara ASEAN menerusi Persidangan Menteri-menteri Ekonominya pada awal bulan Mac yang lepas telahpun menyatakan persetujuan mereka bagi menubuhkan Sekim tersebut dengan seberapa segera.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, kita ingin melihat Sekim tersebut dilaksanakan dengan lebih berkesan dan oleh itu sudah tentu persediaan-persediaannya mengambil masa sedikit. Walau bagaimanapun, segala-galanya telah tercapai ke peringkat terakhir dan adalah dijangka bahawa Perjanjiannya akan dapat ditandatangani pada tahun ini juga.

TAMAN BUDAYA (CULTURAL CENTRE)

10. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada beliau bercadang mendirikan sebuah Pusat Kebudayaan di mana perjumpaan, perbincangan, pertukaran fikiran dan pengalaman antara penulis-penulis, pelajar-pelajar dan ahli-ahli seni dari dalam dan luar negeri boleh diadakan, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, jawapan bagi soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah seperti berikut.

Panggung Negara sebagaimana yang dirancangkan asalnya secara besar-besaran dan menelan belanja kira-kira \$20 juta itu telah ditangguhkan perlaksanaannya ke suatu masa yang belum ditetapkan lagi. Walaupun demikian secara konsepnya Taman Budaya yang ada sekarang ini secara beransur-ansur adalah memainkan peranan untuk mengisi konsep rancangan yang besar itu dengan seberapa banyak yang dapat. Kemudahan-kemudahan Taman Budaya adalah diperbaiki dan ditambah dari semasa ke semasa.

BANK PERTANIAN—PINJAMAN KEPADA PETANI

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak Bank Pertanian telah meluluskan pinjaman dalam tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 dengan mengasingkan pinjaman jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Nyatakan lima projek jangka panjang yang telah dibiayai oleh Bank itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli

Yang Berhormat, saya suka menyatakan pinjaman-pinjaman seperti berikut:

Jangka Masa		Tahun 1973	Tahun 1974	Tahun 1975
Jangka Pendek	...	13,023,684	22,025,568	35,607,880
Jangka Pertengahan	...	4,643,263	4,138,383	4,986,871
Jangka Panjang	...	9,018,623	10,607,300	7,127,800

Lima projek jangka panjang adalah seperti berikut:

(a) *Industri Cold Storage Enterprise Sendirian Bhd. Kuching, Sarawak.*

Projek ini ialah joint venture di antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak dan Syarikat Cold Storage, Sarawak, yang menjalankan kilang air batu (ice-block plant). Pinjaman ini berjumlah \$500,000 dan tempoh pinjaman ialah 6 tahun.

(b) *Pinjaman kepada petani-petani untuk membeli tanah.*

23 orang petani telah diberi pinjaman bernilai \$365,473 untuk membeli seluas 275.6 relung tanah sawah di Sungai Petani, Kedah. Tempoh pinjaman ialah 15 tahun dan pembayaran balik telah disesuaikan dengan musim menuai padi iaitu pada tiap-tiap 6 bulan.

(c) *Pinjaman kepada Persatuan Peladang Negeri Johor.*

Sebanyak \$5.66 juta kepada Persatuan Peladang Negeri Johor untuk membeli tanah seluas 5,500 ekar di Segamat, Johor bagi menanam kelapa sawit secara berladang. Tempoh pinjaman ialah 15 tahun.

(d) *Kilang Tepong Ikan Johor Sendirian Bhd. Mersing, Johor.*

Syarikat ini telah ditubuhkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, untuk memproses ikan baja, dan pinjaman yang telah diluluskan bagi projek ini berjumlah \$400,000. Tempoh pinjaman ialah selama 5 tahun 11 bulan.

(e) *Projek Pukat Tunda di Kelantan.*

Sebanyak \$199,125 telah dipinjamkan kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan untuk membina 5 buah perahu pukat tunda lengkap dengan injin dan kelengkapan tangkapan ikan. Tempoh pinjaman ialah selama 8 tahun.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah peminjam-peminjam itu telah membayar balik dengan cara sempurna dan adakah pula yang tidak membayar dari pinjaman yang telah diluluskan itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini nampaknya peminjam-peminjam itu telah dapat menunaikan janjinya dengan baik dan sempurna.

PENJAJA/PENIAGA KECIL— DAFTAR PERNIAGAAN

12. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa ada penjaja dan peniaga kecil sambilan pada hari ini yang dikehendaki mendaftarkan perniagaan mereka, pada hal mengikut kenyataan beliau tempoh hari mereka dikecualikan dari pendaftaran di bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan Tahun 1956. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat itu bahawa ada penjaja dan peniaga kecil sambilan yang dikehendaki mendaftarkan perniagaan mereka adalah tidak benar. Mengikut di bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan, penjaja-penjaja adalah dikecualikan daripada pendaftaran dan peniaga kecil atau peniaga kecil sambilan adalah dikehendaki mendaftarkan perniagaan mereka. Walau bagaimanapun, peniaga kecil atau peniaga kecil sambilan adalah dikecualikan daripada semua peruntukan Ordinan Pendaftaran Perniagaan Tahun 1956 jika waktu perniagaan mereka adalah dihadkan oleh lesen-lesen gerai mereka.

BAS PELANCUNGAN

13. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar bahawa bas-bas pelancung yang berhawa dingin digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk membawa dan menghantar pelancung-pelancung dari dan ke lapangan terbang; perbuatan ini menjadi satu ancaman terhadap mata-

pencarian pemandu-pemandu teksi; jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kejadian tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Chong Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar adanya bas-bas pelancung yang berhawa dingin yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk membawa dan menghantar pelancung-pelancung dari lapangan terbang. Syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang bergabung dengan syarikat pelancungan dan adalah menjadi syarat kepada pelancung-pelancung yang datang ke negeri ini untuk mendapatkan perkhidmatan bas-bas pelancung berhawa dingin menjemput dan menghantarnya ke lapangan terbang. Oleh yang demikian, dalam kes pelancungan seumpama ini soal samada bas-bas ini menjejaskan penghidupan dan mata pencarian teksi di lapangan terbang tidak timbul.

JALANRAYA DI KOMPLEKS HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR

14. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kepada jalanraya-jalanraya di dalam kawasan Komplek Hospital Besar Kuala Lumpur itu sempit dan susah untuk kereta-kereta berselisih, samada Kementerianannya akan membesarkan jalanraya berkenaan supaya sesuai untuk menghadapi keperluan masa hadapan Hospital itu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kompleks Hospital Besar Kuala Lumpur, terletak bangunan-bangunan bagi Universiti Kebangsaan, Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia dan Hospital Besar itu sendiri. Semua bangunan-bangunan ini adalah di dalam berbagai-bagai peringkat pembangunan. Satu network jalan-jalan sedang dirancangan bagi kawasan tersebut dan apabila semua kerja-kerja pembinaan bangunan-bangunan ini telah selesai, kerja-kerja pembinaan jalanraya akan dibentuk dan diatur mengikut keperluan Kompleks Hospital Besar Kuala Lumpur.

BANJIR DI PESIARAN AMPANG HILIR

15. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementerianar

beliau sedar bahawa kawasan Pesiaran Ampang Hilir adalah tempat yang dilanda banjir memandangkan walaupun dalam keadaan hujan yang tiada lebat. Cara pembinaan parit-parit dan kesan sistem pelepasan air mungkin menjadi salah satu sebab kejadian itu. Untuk mengelakkan kejadian banjir berulang lagi di kawasan ini yang secara kebetulan didiami oleh kebanyakan kakitangan Kedutaan asing kita, samada Kementerian ini bercadang untuk mengadakan sistem taliair yang lebih baik ataupun meratakan jalanraya itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa banjir berlaku di Pesiaran Ampang Hilir. Dewan Bandaraya sedang menjalankan satu kajian dengan tujuan hendak memperbaiki sistem pamaritan di kawasan tersebut. Oleh sebab rancangan pembaikan ini meliputi kawasan yang besar ianya akan dilaksanakan secara berperingkat.

GERAI PERNIAGAAN MARA

16. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilakah projek gerai perniagaan MARA akan didirikan di Padang Serai, oleh kerana perkara ini telah lama disebut-sebut dan sedang dinanti-nanti oleh peniaga-peniaga Bumiputra yang dahagakan tempat perniagaan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, rancangan mendirikan gerai-gerai, bazaar MARA di Padang Serai telahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan ini dalam bulan Julai nanti.

PADANG RAGUT (GRAZING GROUND)

17. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pertanian menerangkan samada Kerajaan bercadang hendak mengadakan dalam tiap-tiap daerah satu kawasan khas padang ragut untuk menggalakkan pembelaan kerbau-kerbau secara beramai-ramai atau teratur dalam usaha hendak menambahkan ekonomi dan perusahaan penternakan serta pembiakan kerbau lembu dalam negara.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, tidak semua tiap-tiap daerah dapat diadakan kawasan-kawasan padang ragut tetapi di kawasan-kawasan tertentu yang difikirkan sesuai bagi maksud yang tersebut bolehlah diadakan. Perkara ini sedang di dalam penyiasatan Kementerian.

IJAZAH UNIVERSITI TAIWAN— PENIPUAN PELAJAR

18. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rabi minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar adanya Rancangan Penipuan dijalankan oleh pelajar-pelajar Malaysia yang mempunyai kelulusan Universiti Taiwan dan kemudian memasuki Universiti di United Kingdom buat sementara semata-mata untuk mendapatkan Ijazah Universiti tersebut kerana Ijazah dari Universiti-universiti di Taiwan tidak diiktirafkan manakala Ijazah dari universiti di United Kingdom diiktiraf di negara kita.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya tidak mengiktiraf ijazah dari Universiti Taiwan, tetapi sekiranya seorang pelajar itu kemudian mendapat pula ijazah dari mana-mana Univtrstti yang diiktiraf di United Kingdom maka perkiraan kelayakannya adalah berdasarkan kepada ijazah yang diiktiraf dari Universiti-universiti di United Kingdom itu.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa jika sekiranya seorang pelajar yang lulus dari Universiti di Taiwan dan kemudiannya pergi di Universiti di United Kingdom dan lulus dengan ijazah sarjana muda atau lebih tinggi, umpamanya, Master Degree dan balik ke sini dan mencari pekerjaan dalam perkhidmatan awam, adakah perbuatan itu hendak menipu Kerajaan atau tidak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ijazah itu bergantung daripada Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan kita.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sekiranya pelajar yang disebutkan oleh saya tadi pergi ke United Kingdom dan dapat satu ijazah muda atau Masters yang diiktiraf oleh

Kerajaan kita, kemudiannya pelajar itu balik ke tanahair dan mencari kerja dengan Kerajaan di dalam Perkhidmatan Awam, adakah pelajar itu hendak menipu Kerajaan seperti yang dimaksudkan dalam pertanyaan ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, kalau ijazah itu daripada Universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan kita, kita memang membenarkan.

MURID-MURID KECICIRAN— KES JENAYAH

19. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar peratusan kes jenayah bertambah pada berapa tahun lalu, jika ya, nyatakan peratusan kes jenayah akibat dasar pelajaran Kerajaan dan jumlah peratusan yang dilakukan oleh murid-murid keciciran terhadap perkara ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, samada kes jenayah bertambah atau tidak, bolehlah ditentukan jikalau Ahli Yang Berhormat itu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya tidak sanggup menerima dakwaan bahawa kes jenayah bertambah kerana dasar pelajaran Kerajaan, melainkan Ahli Yang Berhormat dapat menunjukkan dengan sejelas-jelasnya hubungan antara kes jenayah yang ada berkaitan dengan dasar pelajaran. Jikalau kerana dasar pelajaran jenayah berlaku tidak patut, ada ratusan ribu rompakan dan pembunuhan setiap hari kerana hampir separuh penduduk negara ini mendapat pelajaran melalui dasar pelajaran kebangsaan kita.

PENGELUARAN PURATA GETAH

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada benar bahawa pengeluaran purata getah bagi setiap ekar ladang getah di Trengganu adalah kurang dari Negeri lain, dan jika ya, nyatakan perbezaan ini dan tindakan-tindakan yang diambil untuk memperbaikinya.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran purata getah di ladang-ladang di Trengganu adalah kurang jika

dibandingkan dengan pengeluaran di negeri-negeri lain. Misalnya, dalam tahun 1973, pengeluaran purata seekar getah di Negeri tersebut ialah 786 lb. setahun kalau dibandingkan dengan pengeluaran purata negara keseluruhannya yang mencapai 1,229 lb. seekar.

Perbezaan ini adalah disebabkan di Trengganu didapati ladang-ladang getah kebanyakannya ditanam dengan benih-benih yang kurang bermutu. Dari kawasan ladang-ladang yang ditoreh seluas 9,000 ekar dalam tahun 1973, didapati 3,000 ekar daripadanya iaitu 33%, terdiri daripada benih-benih yang kurang baik dan dengan itu pengeluaran puratanya hanya sebanyak 273 lb. sahaja seekar. Dari 33 ladang getah, hanya 6 ladang sahaja yang telah menyempurnakan tanaman semulanya dengan benih-benih yang bermutu. Sungguh pun begitu, benih-benih yang digunakan ini tidaklah dari jenis yang paling termoden. Seperkara lagi yang ingin saya maklumkan ialah kebanyakan ladang-ladang di Trengganu terdiri dari ladang-ladang kecil dan ladang-ladang ini sepatutnya telah lama ditanam semula.

Di samping itu didapati ladang-ladang di Negeri Trengganu pada keseluruhannya tidak dijaga dengan betul. Ladang-ladang di negeri tersebut ditoreh pada setiap hari hingga menyebabkan berlakunya penyakit kulit getah (*brown bast disease*) secara berleluasa. Selain daripada itu, dalam masa musim tengkujuh melanda negeri tersebut, terutamanya di akhir tahun maka ladang-ladang sudah tentu tidak dapat ditoreh.

Mengenai tindakan-tindakan yang diambil untuk memperbaiki kekurangan pengeluaran di negeri tersebut, saya dapati bahawa tindakan-tindakan Kerajaan memerlukan kerjasama ladang-ladang yang terlibat di negeri tersebut. Walaupun RISDA dan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia mempunyai kemudahan-kemudahan untuk memperbaiki keadaan ini, tetapi angka-angka yang ada menunjukkan bahawa ladang-ladang tersebut tidak berminat untuk menanam semula. Di dalam penanaman semula estet-estet RISDA mempunyai satu sekim bagi tujuan demikian dan sekim ini berkuatkuasa pada 1hb Jan. 1973. Saya yakin ladang-ladang berkenaan akan tampil ke hadapan untuk memperbaiki hasil pengeluaran mereka dengan menanam semula dengan benih-benih yang bermutu tinggi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sungguhpun kedudukan getah di Trengganu ini yang ditanam semula pun tidak mendapat kejayaan yang memuaskan di mana hasilnya adalah merosot juga. Ini disebabkan oleh kebanyakan ladang-ladang di Trengganu adalah ladang-ladang kecil terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah 6 ekar hingga 10 ekar di mana mereka hendak menayakan dengan mengikut peraturan yang sebenar-benarnya, tidak dapat disebabkan di situlah tempat mereka mencari makan. Apakah rancangan Yang Berhormat Menteri berkenaan agar tanaman semula di negeri ini akan mendapatkan hasil yang benar-benar baik dari sudut bagaimana dikehendaki oleh pihak Kementerian.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya menuntut maaf kepada sahabat saya Ahli Yang Berhormat berkenaan oleh sebab nampaknya beliau sudah salah iktiraf ataupun faham dari segi istilah ladang. Soalnya ialah berhubung dengan ladang (estate). Mengikut takrif kita, ladang ialah tanah-tanah yang luasnya lebih daripada 100 ekar. Kalau soal enam ekar, tujuh ekar dan sebagainya ialah di bawah takrif pekebun kecil, itu soal lain.

ROTI SEBAGAI BARANG TERKAWAL

21. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bila beliau bercadang menjadikan roti sebagai suatu barang makan yang terkawal untuk mengelak pembuat-pembuat roti menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan telahpun membuat kenyataan dan di dalam Dewan ini pun jawapan yang sama telah diberi kepada Yang Berhormat Tuan Farn Seong Than pada 8hb April, 1976 yang lalu.

PEJABAT BIRO BANTUAN GUAMAN

22. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan lebih banyak lagi Pejabat Biro Bantuan Guaman di seluruh negara;

- (b) negeri-negeri di mana Pejabat Biro Bantuan Guaman telahpun ditubuhkan; dan
(c) aspek-aspek perkhidmatan bantuan guaman yang boleh dinikmati oleh rakyat daripada Biro tersebut.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkhidmatan Bantuan Guaman mula dilancarkan di Negara kita pada akhir tahun 1970 sebagai suatu projek pandu dengan mempunyai matlamat-matlamat khusus untuk memberi bantuan kepada golongan miskin dan untuk memungut maklumat-maklumat penting mengenai bilangan orang-orang awam yang memerlukan bantuan guaman, jenis bantuan yang diminta, tanggungan kewangan yang terlibat, kakitangan yang diperlukan dan lain-lain lagi. Miskipun perjalanan aktiviti pertubuhan kecil ini tidak begitu rancak dalam masa setahun permulaannya, pertubuhan ini telah dapat menghasilkan rancangan perkembangan yang nyata ke negeri-negeri lain dan sehingga ke penghujung 1975 keseluruhan negeri di Semenanjung Malaysia melainkan Pulau Pinang dan Perak telahpun mempunyai Biro Bantuan Guaman atau cawangan-cawangannya.
(b) Negeri-negeri yang sedia mempunyai pejabat Biro bertempat di Ibu Negeri masing-masing seperti berikut:

- (i) Selangor/Wilayah Persekutuan (1970).
- (ii) Kedah/Perlis (1972).
- (iii) Trengganu (Januari, 1973).
- (iv) Kelantan (1973).
- (v) Johor (Februari, 1974).
- (vi) Pahang (1975).
- (vii) Melaka (1975) dan;
- (viii) Negri Sembilan (1975).

Sebagaimana ditegaskan pada akhir-akhir ini, Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara akan berikhtiar seberapa yang daya untuk menubuhkan cawangan-cawangan Biro Bantuan Guaman di negeri-negeri Perak dan Pulau Pinang selewat-lewatnya dalam pertengahan tahun 1976, apabila masalah kekurangan pegawai-pegawai undang-undang untuk memenuhi jawatan-jawatan penting dalam

Kementerian dapat diatasi menjelang pertengahan tahun ini apakala fakulti undang-undang Universiti Malaya mengeluarkan graduan-graduannya.

- (c) Pada peringkat awal penubuhannya dahulu perkhidmatan ini telah ditumpukan kepada dua atau tiga perkara yang berhubung dengan perbicaraan-perbicaraan Sivil dan satu perkara di bawah perkhidmatan Nasihat. Sekarang Biro Bantuan Guaman memberi bantuan dan perwakilan penuh kepada 9 jenis perkara kes Sivil, satu perkara Kes Jenayah dan 3 perkara Bantuan Nasihat. Senarai lengkap jenis kes dan bantuan yang diberi adalah seperti Jadual Kedua, Ketiga dan Keempat pada Akta yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kenapakah Biro Bantuan Guaman ini telah menyerahkan sebahagian daripada tugasnya untuk pendakwaan nafkah kepada anak-anak yang ditinggal oleh bapa ataupun janda yang ditinggal oleh suami kepada jabatan lain iaitu Jabatan Perkhidmatan Masyarakat. Tidakkah Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa dengan cara ini menunjukkan kejayaan dimasa hadapan akan lebih berkurangan jika dibandingkan dengan tindakan yang diambil oleh pihak Biro Bantuan Guaman sendiri.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, penglibatan Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam mengelolakan bantuan guaman ini adalah hasil daripada satu persetujuan di antara Kementerian saya dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Ini adalah dengan tujuan untuk memberi tenaga yang lebih ramai kepada pegawai-pegawai untuk menganjurkan kes-kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebagaimana dimaklum Kerajaan adalah kekurangan pegawai-pegawai undang-undang untuk mengendalikan kes-kes ini di mahkamah. Dan dengan adanya latihan yang diberi kepada Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat maka tenaga Kementerian Undang-undang dan Jabatan Peguam Negara adalah bertambah.

PENIPUAN JUALAN KAYU-KAYAN

23. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil penyiasatannya berkaitan dengan tuduhan sebuah negara Arab tentang berlakunya satu penipuan jualan kayu-kayan bernilai berjuta-juta ringgit oleh sebuah syarikat eksport kayu-kayan Malaysia dan apakah tindakan yang diambil bagi mengelakkan berulangnya kejadian serupa itu.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersama-sama dengan pihak polis telah menjalankan penyiasatan atas tuduhan-tuduhan oleh pedagang-pedagang di Asia Barat terhadap sebuah syarikat di Malaysia mengenai penjualan kayu. Penyiasatan ini telah selesai dan pihak-pihak yang dituduh akan dibawa ke Mahkamah.

Bagi sementara waktu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia telahpun mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengelakkan kejadian seperti ini.

RANCANGAN RUMAH MURAH, PULAU PINANG

24. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan rancangan-rancangan rumah murah yang disediakan oleh Kerajaan Pusat bagi negeri Pulau Pinang dan bilakah rancangan-rancangan tersebut akan disiapkan kerana didapati tidak banyak rancangan-rancangan seperti ini dijalankan oleh Kerajaan untuk penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di Pulau ini.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan di Pulau Pinang saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan Pusat telah menguntukkan wang sebanyak \$8.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk melaksanakan sebanyak 1,408 yunit rumah-rumah murah. Tetapi kerana sebab-sebab yang hanya diketahui sendiri oleh Kerajaan Negeri tersebut cuma \$1.1 juta sahaja telah digunakan.

HARGA MINYAK DIESEL

25. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada kenaikan harga minyak disel baru-baru ini adalah adil memandang kepada hakikat iaitu pengeluaran minyak di negara kita kian bertambah dan keuntungan-keuntungan yang diperolehi daripadanya boleh digunakan sebagai subsidi dan dengan demikian dapat mengurangkan bebanan derebar-derebar teksi dan rakyat jelata.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang hampir sama telah di jelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pada 6-4-76 yang lalu. Walau bagaimanapun, sukaiah saya menjelaskan sedikit lagi iaitu pihak Kerajaan adalah sebenarnya memberi subsidi secara tidak langsung kepada harga disel dengan dikecualikan daripada dikenakan "import duty", "excise" atau "surtax". Dengan pengecualian ini Kerajaan adalah kehilangan hasil sebanyak \$75.3 juta pada tahun 1975.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa kenaikan harga minyak berlaku di Malaysia Barat sahaja, tidak termasuk Sarawak dan Sabah. Jikalau benar, apakah sebab perbezaan itu.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga telah dijelaskan pada masa-masa yang lalu. Sebenarnya, ada sedikit perbezaan di antara masalah Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur.

BUKU TEKS BAGI PENUNTUT-PENUNTUT

26. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai penuntut-penuntut Tingkatan IV dan V, terutama mereka dari sekolah menengah di mana aliran sains baru saja diadakan, masih tiada mempunyai buku teks, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil supaya penuntut-penuntut ini mendapat buku teks dengan segera.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pesanan buku-buku teks di bawah Sekim Pinjaman Kerajaan dibuat oleh pihak sekolah dalam penggal ketiga persekolahan. Seterusnya usaha diikhtiarkan bagi memesan bilangan naskah daripada penerbit untuk

keperluan semua sekolah di negeri. Tahun ini adalah tahun kedua pelaksanaan Sekim Pinjaman. Usaha dijalankan juga bagi mendapatkan buku-buku teks daripada sekolah-sekolah yang mempunyai bekalan berlebihan untuk diagihkan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan bekalan tambahan. Ini akan mengambil masa tetapi ianya perlulah diusahakan juga supaya perbelanjaan kita untuk membeli buku-buku teks tidak membazir. Bagi sekolah-sekolah yang baharu sahaja mengadakan aliran sains; penting sekalilah pihak sekolah membuat pesanan dengan segera.

Tindakan yang lebih berkesan dapat diambil sekiranya nama sekolah yang masih belum dibekalkan buku teks diberi serta dengan nama judul dan penerbit buku.

PERAYAAN PERTABALAN YANG DI-PERTUAN AGONG DI NEGERI

27. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan :

- (a) sebab-sebab mengapa Negeri Perlis tidak mengadakan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan untuk merayakan Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; dan
- (b) samada beliau sedar akan peranan yang tidak memuaskan oleh ahli-ahli sukan kita, dan tindakan yang beliau bercadang hendak ambil untuk mengatasinya.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia, dan Sukan, jawapan bagi soalan Yang Berhormat itu adalah seperti di bawah :

- (a) Acara perayaan kebangsaan seperti Perayaan Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada peringkat Negeri bukanlah diaturkan dan diselenggarakan oleh Kementerian ini tetapi diaturkan oleh Jawatankuasa Peringkat Negeri masing-masing. Segala dasarnya dan cara-cara perayaan itu adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini.
- (b) soalan yang berkenaan telahpun dijawab oleh Menteri yang berkenaan pada 12hb November, 1975 yang lalu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar di dalam akhbar-akhbar sebelum hari pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah dinyatakan, semua Majlis Belia Negeri ataupun permainan-permainan daripada tiap-tiap negeri akan diwakili di hari pertabalan yang berkenaan tetapi bila didapati hari pertabalan tidak diadakan, adakah Kementerian sedar bahawa yang dimasukkan oleh pihak yang berkenaan itu tidak benar?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, acara-acara perayaan di peringkat kebangsaan adalah dikendalikan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Peringkat Negeri yang tertentu dan oleh yang demikian jika ada satu-satu acara yang tidak dikendalikan oleh sesebuah negeri maka ini adalah soal luar daripada pengendalian Kementerian ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Buja bin Gumbilai.

(Soalan No. 28. Y.B. Tuan Buja bin Gumbilai tidak hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 29. Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh tidak hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh.

(Soalan No. 30. Y.B. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh tidak hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah.

(Soalan No. 31. Y.B. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah tidak hadir).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar.

(Soalan No. 32. Y.B. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar tidak hadir).

ROMPAKAN BANK

33. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kejadian rompakan bank dalam tahun 1975 hingga sekarang;
- (b) jumlah wang yang dirompak;
- (c) bilangan perompak yang ditangkap; dan
- (d) samada wang-wang tersebut telah didapati semula.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kejadian-kejadian rompakan bank yang berlaku di dalam tahun 1975 hingga 23hb Mac, 1976 ialah berjumlah 18 semuanya.
- (b) Jumlah wang yang terlibat di dalam rompakan-rompakan tersebut ialah sebanyak \$1,181,787.26.
- (c) Daripada 18 kes yang tersebut di atas 3 kes telahpun dihadapkan ke mahkamah. Seramai 6 orang daripada 12 orang yang terlibat di dalam 3 kes tersebut telahpun menjalani hukuman-hukuman seperti berikut:

- (i) 2 orang telah dihukum 5 tahun penjara serta disebat sebanyak 6 kali tiap-tiap seorang;
- (ii) 4 orang telah dihukum 7 tahun penjara serta disebat sebanyak 6 kali tiap-tiap seorang.

Mengenai 6 orang yang lain, kes-kes mereka masih lagi di dalam perbicaraan.

- (d) Daripada 3 kes tersebut pihak Polis telah mendapati balik jumlah wang sebanyak \$42,810.80.

Dr Tan Chee Kboon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar, makin lama makin bertambah rompakan bank-bank di tanahair kita, dan adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mencadangkan rundingan antara pihak bank, pihak polis dan barangkali pihak Kementerian supaya kita boleh mengkaji segala tindakan untuk mencegah rompakan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong ingat kepada ucapan saya pada masa menjawab hujah-hujah yang dibuat waktu perbahasan Titah Diraja, saya sudah menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita sudah mengadakan perjumpaan dengan golongan-golongan bank dan sudah membuat beberapa keputusan untuk mengatasi soal ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang belum dibuat rundingan ialah dengan pihak perompak sahaja. *(Ketawa)*.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tetapi nampaknya hasilnya itu tidak begitu berkesan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh menjelaskan kepada Dewan ini, samada semua langkah-langkah yang perlu diambil telah diambil oleh pihak bank atau pihak Polis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju mengatakan bahawa hasilnya tidak berkesan kerana selepas daripada itu ada satu percubaan merompak sebuah bank, perkara itu gagal bahkan yang ada beberapa perkara sekarang sedang kita hendak masukkan ke dalam perkara ini. Pertama sekali, bank-bank ini meinsurankan wangnya dan menggunakan jaga-jaga yang tua, kerana mereka berasa bahawa wangnya tidak terancam kerana ada insuran. Hasilnya, semenjak daripada perjumpaan itu rompakkan sangat berkurangan pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan nampaknya jaga (security guards) di dalam bank kebanyakannya orang-orang tua tetapi jika bank itu boleh menukar security guards kepada yang muda sedikit, maka mereka boleh menjalankan tugas dengan baik. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar shot-gun yang digunakan oleh security guard itu tidak begitu sesuai, lebih baik kalau security guard di bank-bank menggunakan pistol yang tidak nampak oleh perompak-perompak supaya mereka tidak tahu siapa yang menjadi security guard di bank itu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana segala soalan itu saya sudah jawab pada masa yang lepas dengan mengatakan kepada Ahli Yang Berhormat kalau saya sendiri dipilih bagi menentukan samada elok pakai shot-gun atau pistol, bila-bila saya pakai shot-gun kerana sekali sahaja kita tembak, bertabur semuanya kena. *(Ketawa)*.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi apakah jawapan kepada soalan tambahan itu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Yang sebenarnya segala apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu sudah ada dalam pertimbangan dan sudah dibuat rancangan-rancangan untuk mengatasi problem kita.

HOSPITAL BESAR IPOH— ADUAN AMALAPOVA MARY

34. Tuan Oh Keng Seng (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar:

- (a) seorang suri rumahtangga bernama Amalapova Mary dari 452 New Kopisan Baru, Gopeng, telah pergi ke Hospital Besar Ipoh pada 3hb April, 1975 dan mengadu beliau sakit kepala dan sering muntah dan selepas itu telah diberi ubat;
- (b) bahawa suri rumahtangga berkenaan lepas itu pergi ke Hospital tersebut pada 8-4-75, 22-4-75 dan 15-5-75 dan mengadu kesakitan dengan sakit yang serupa;
- (c) bahawa pada 6-6-75 beliau telah pergi ke Hospital itu juga pada pukul 10.15 pagi dan mengadu kepada Pegawai Perubatan yang bertugas Datin Dr Puan Jeyaratnam bahawa beliau telah berumahtangga dan haidnya tidak datang sejak bulan Januari dan doktor yang berkenaan itu telah memegang perutnya dan berkata "Mana ada anak? Tidak ada apa-apa di dalam". Doktor berkenaan tidak menjalankan apa-apa ujian untuk menentukan samada pesakit itu hamil atau tidak dan selepas itu telah memberi pil-pil kepada pesakit berkenaan dan berkata kepadanya bahawa setelah makan pil-pil itu haidnya akan datang;

- (d) apabila mendengar komen doktor itu, Puan Amalapova Mary terkejut, terharu dan merasa amat sedih dan beliau dibawa oleh suaminya menemui seorang doktor persendirian yang mengesahkan ianya telah hamil selama tiga bulan setengah;
- (e) pada 13-6-75 Puan Amalapova Mary terasa kesakitan yang teruk dibahagian bawah perutnya dan telah dimasukkan ke dalam Hospital berkenaan itu juga;
- (f) pada 14-6-75, suami Puan Amalapova Mary telah diberitahu oleh seorang doktor bahawa anak di dalam rahim isterinya telah meninggal dunia tetapi doktor tersebut enggan memberi sebarang alasan-alasan mengenai kematian tersebut; dan
- (g) nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Menteriannya untuk menentukan supaya kelalaian seumpama itu yang menyebabkan kesulitan-kesulitan yang tidak diinginkan kepada bakal ibu-bapa-ibubapa tidak berulang; nyatakan samada beliau akan mengarah supaya diadakan satu penyiasatan di dalam perkara ini dan juga mengambil tindakan tatatertib terhadap doktor yang berkenaan itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak sedar, dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak ada menerima sebarang aduan mengenai perkara ini sebelum daripada perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Aduan yang disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu sekarang sedang diasas dan tindakan perlu akan diambil setelah tamat penyiasatan jika didapati ada kecuaihan di pihak hospital.

(Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 32 adalah diberi di bawah ini)

MINYAK TANAH—KEKURANGAN

28. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan minyak tanah di Sabah baru-baru ini, jika sedar apakah tindakan yang diambil mengenai perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Kementerian saya memang sedar tentang kekurangan bekalan minyak tanah di Sabah baru-baru ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengawasi kedudukan bekalan minyak tanah dan tindakan telah diambil untuk mengarahkan syarikat-syarikat minyak membekalkan bekalan yang mencukupi kepada pender-pender mereka pada bila-bila masa sahaja dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian ini telah diarah menjalankan siasatan ke atas semua pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit minyak tanah untuk memastikan bekalan sentiasa ada.

PENGANGGURAN MENAMBAHKAN KEGIATAN SAMSENG-SAMSENG

29. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa kegiatan samseng-samseng di seluruh Negara itu terbitnya daripada pengangguran; dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan pengangguran.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Kegiatan samseng-samseng di negara ini bukanlah terbitnya daripada pengangguran sahaja bahkan banyak lagi faktor-faktor lain yang menyebabkan berlakunya kegiatan ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai rancangan untuk mengurangkan keadaan pengangguran di negara ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Pertumbuhan ekonomi yang dititikberatkan oleh Kerajaan adalah merupakan sumber utama untuk menyelesaikan pengangguran. Kerajaan juga memberi keutamaan kepada penubuhan-penubuhan perusahaan yang menggunakan tenaga buruh yang banyak (labour intensive) seperti perusahaan letrik dan tekstail. Dalam bidang pelajaran dan latihan pula Kerajaan telah berusaha untuk mengeluarkan lebih ramai lagi tenaga pekerja-pekerja yang mahir untuk menampung keperluan pertumbuhan ekonomi ini.

KESESAKAN JALANRAYA

30. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kerjaya dan

Kemudahan-kemudahan menyatakan adakah beliau sedar akan kesesakan jalanraya di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur pada masa ini, jika sedar, apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi kesesakan tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Kementerian saya sedar akan masalah kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur dan mengambil perhatian berat terhadap masalah ini. Kerajaan telah pun menerima dasar menggalakkan penggunaan perkhidmatan kenderaan awam dan kenderaan-kenderaan yang membawa ramai penumpang dari kenderaan yang berseorangan. Dengan disokong oleh dasar ini maka Projek Pengangkutan Jalan Bandaraya Kuala Lumpur sedang giat diimplementasikan dan pada masa ini di dalam beberapa peringkat kemajuan.

Projek ini bertujuan untuk melicinkan sistem pengangkutan jalan dengan menggunakan jalan-jalan yang sedia ada dan yang dirancang mengandungi beberapa bahagian dan boleh dibagikan kepada rancangan jangka panjang dan rancangan jangka pendek.

Di dalam rancangan jangka panjang, beberapa projek sedang dilaksanakan termasuklah:

- (1) Projek membina dan memperbaiki jalan-jalan dispersal yang menyambung Jalan Pekeliling yang sedia ada sekarang dengan tujuan lalu-lintas-lalu-lintas menyambung perjalanannya dengan tidak melalui kawasan pusat Ibu Kota Kuala Lumpur ini. Reka-bentuk bagi jalan-jalan dispersal ini telah siap dan pembinaannya akan bermula akhir tahun ini.
- (2) Rancangan memperbaiki "Inner Ring Road" atau jalan yang melingkongi kawasan tengah Ibu Kota Kuala Lumpur sedang dalam tindakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- (3) Projek memperbaiki beberapa persimpangan-persimpangan di Bandaraya Kuala Lumpur di mana reka-bentuknya telah selesai disediakan dan kerja pembinaannya dirancang bermula di akhir tahun ini.

- (4) Projek "Traffic Area Control" atau Projek Kawasan Kawalan Lalu-lintas dengan menggunakan mini-komputa untuk mengawasi lampu isyarat di simpang-simpang kawasan yang berkenaan itu sedang dikaji dan di dalam peringkat permulaan pelaksanaannya.
- (5) Sistem perjalanan lalu-lintas seperti jalan sehalu dan juga perubahan laluan-laluan bas-bas sedang dikaji dalam peringkat akhir dan akan dilaksanakan.
- (6) Rancangan "Area Licencing Scheme" atau Kawasan Perlesenan akan diperkenalkan di Bandaraya Kuala Lumpur kelak apabila keadaan telah sesuai.

Di samping itu langkah-langkah jangka pendek yang berkaitan dan yang akan bertentum dan menguatkan lagi rancangan jangka panjang telah, sedang dan terus dijalankan seperti:

- (1) Yunit Traffic Warden telah ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya untuk menjalankan kuasa lalu-lintas di Kuala Lumpur membantu pihak Polis melicinkan perjalanan lalu-lintas.
- (2) Perkhidmatan menarik kenderaan-kenderaan rosak di jalanraya telah pun diperkenalkan baru-baru ini bertujuan untuk menghindarkan gangguan jalanraya oleh kenderaan-kenderaan yang rosak.
- (3) Melarang kelas-kelas tertentu kenderaan daripada memasuki pusat bandar pada waktu-waktu sibuk.
- (4) Mengenakan bayaran meletak kereta yang tinggi di Pusat Bandaraya.
- (5) Perkhidmatan Bas Mini telah dilancarkan baru-baru ini di samping bertujuan untuk mengatasi masalah pengangkutan awam adalah juga diharapkan dapat menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan ini dan meninggalkan kegunaan kereta-kereta persendirian ke pusat bandar. Ini akan dapat mengurangkan masalah kesesakan di jalan-jalanraya.

WANITA DALAM POLIS LAUT

31. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan iaitu memandangkan bahawa terdapat kaum wanita dalam Pasukan Polis Biasa, Polis Trafik, Polis Sukarela Simpanan dan Polis Hutan samada Kerajaan bercadang mengambil kaum wanita untuk berkhidmat dalam Polis Laut; jika ya bila pengambilan pertama akan diadakan; jika tidak, samada mereka ini tidak ada kelayakan atau kebolehan atau samada syarat-syarat lain yang mereka tidak dapat memenuhinya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara tersebut sedang dalam pertimbangan Kementerian ini.

LEMBAGA PENAPIS FILEM— TAYANGAN

32. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) garis panduan yang boleh diterima oleh Lembaga Penapis Filem dalam membenarkan penayangan filem-filem untuk orang ramai di negara kita dan adakah Kerajaan berpuashati dengan kerja-kerjanya. Adakah Kerajaan bercadang hendak meminda garis panduan yang ada pada masa ini supaya penapisan filem secukup dengan kemahuan masyarakat kita pada hari ini dan akan datang;
- (b) samada beliau sedar bahawa banyak filem-filem keganasan pada masa sekarang ditunjukkan kepada orang ramai di negara ini jika ya, adakah beliau bercadang hendak mengurangkan filem-filem seperti ini, dari ditunjukkan di pawagam-pawagam, kalau tidak mengapa dan
- (c) mengapa kebanyakan daripada filem-filem yang diimpor memakai subtitle dalam bahasa-bahasa lain daripada Bahasa Malaysia sungguhpun kita hendak menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia bagi perpaduan rakyat, jika ya, apa tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan dalam hal ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Setakat ini Kementerian berpuashati dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga. Kementerian sentiasa memberi perhatian kepada tugas Lembaga dan jika perlu Lembaga akan diberi arahan untuk disesuaikan dengan dasar Kerajaan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.30 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan Rang Undang-undang bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Getah (Penanaman Semula), 1957 Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958, Akta Lembaga

Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972, dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan kembali kepada Session Parlimen dalam bulan Ogos/September 1972 yang telah meluluskan di antara lain-lain Akta Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972 (MRELB) dan Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 (RISDA) dan pindaan-pindaan kepada Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan), 1958 (MRRDB). Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta-akta dan Ordinan itu telah mula dikuatkuasakan dalam tahun 1973.

Di dalam pelaksanaan Akta-akta dan Ordinan tersebut, telah didapati beberapa kekusutan atau setengah daripada aktiviti-aktiviti itu bercanggah dengan Akta atau Ordinan tersebut oleh sebab tidak terdapat di dalamnya peruntukan-peruntukan untuk membolehkan fungsi-fungsi Lembaga-lembaga yang berkenaan dilaksanakan dengan lycin. Kekusutan yang dimaksudkan itu termasuklah mengenai bantuan tanam semula kepada pekebun-pekebun kecil. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat bahawa di antara langkah-langkah yang saya janjikan untuk diambil bagi mengelakkan kejadian-kejadian penyelewengan dalam pemberian bantuan tanam semula ialah tindakan menyemak Undang-undang RISDA sendiri.

Selain daripada itu, ada juga didapati bahawa di dalam perlantikan ahli-ahli Lembaga yang berkenaan, maka beberapa masalaah telah timbul mengenai perlantikan Ahli-ahli Lembaga tersebut terutamanya dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengkaji sedalam-dalamnya Akta-akta/Ordinan Lembaga-lembaga yang berkaitan dengan getah seperti Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia (MRRDB) dan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (MRELB) untuk dikemaskini dan disesuaikan dengan tugas-tugas yang baharu memandangkan bahawa peranan Lembaga-lembaga tersebut di atas telah bertukar akibat

kemajuan dan pembangunan yang pesat di sekitar perusahaan getah. Pindaan-pindaan yang berkenaan yang berkaitan dengan Akta atau Ordinan Lembaga-lembaga yang berkaitan dengan getah adalah sepertimana yang saya akan terangkan berikutan ini.

Pertamanya pindaan-pindaan telah dibuat pada Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952. Dalam hal ini bagi Seksyen 2 Ordinan tersebut takrif "Owner of Land" adalah dimasukkan ke dalam Seksyen "Definition" untuk membolehkan takrif ini difahami dengan jelasnya. Takrif ini bererti bahawa tuan punya tanah yang didaftarkan ialah di dalam ertikata Kanun Tanah Negara dan termasuk juga wakil sah tuan punya tanah yang mati. Takrif "smallholder" juga dibuat untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dari segi undang-undang, ditakrif sebagai tuan punya tanah yang mempunyai tanah kurang daripada 100 ekar.

Bagi Seksyen 3 pula peruntukan am dimasukkan untuk membolehkan Kumpulanwang di bawah Ordinan ini menerima apa-apa bayaran daripada mana-mana punca seperti pendapatan-pendapatan daripada perbadanan-perbadanan yang akan ditubuhkan oleh RISDA dengan kelulusan Perbendaharaan dan sebagainya. Pada masa sekarang, ada termaktub di dalam Ordinan itu punca-punca Kumpulanwang RISDA iaitu pungutan ses, bantuan geran daripada Kerajaan Persekutuan, pinjaman-pinjaman oleh RISDA, dan pendapatan-pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada harta-hartanya.

Pindaan di Seksyen 7 adalah dibuat untuk membetulkan rujukan kepada Jadual-jadual Pertama dan Kedua yang dimansuhkan apabila Ordinan itu dipinda oleh Akta RISDA, 1972 dan untuk mengemaskan Seksyen ini dengan Seksyen 10 Ordinan itu.

Bagi Seksyen 8 pula, pindaan dibuat supaya membolehkan RISDA melaburkan jumlah kumpulan wangnya pada sesuatu masa setelah ditolak kos pentadbirannya, sekurang-kurangnya 70% dimasukkan ke dalam securities Kerajaan dan bakinya sebanyak 30% lagi itu dilaburkan dalam bank-bank di Malaysia termasuk Bank Negara Malaysia dan mengikut Seksyen 4 Ordinan Amanah, 1949 dan Seksyen 3 Akta Pelaburan Amanah, 1965.

Seperti di Seksyen 9, pindaan adalah bertujuan untuk membolehkan Kumpulanwang RISDA juga digunakan, selain daripada bantuan tanaman semula/tanaman baru dan kos pentadbiran, untuk latihan pegawai-pegawai RISDA, biasiswa untuk pelajaran tinggi bagi bakal-bakal pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja RISDA, biasiswa-biasiswa untuk anak-anak pekebun kecil dan sebagainya.

Untuk membolehkan rancangan-rancangan RISDA mengikuti prinsip-prinsip yang tertentu iaitu wang RISDA digunakan untuk penanaman baru atau penanaman semula atau cadangan tanaman yang lain bagi menggantikan tanaman getah serta juga bagi memperuntukan perkara kelayakan (eligibility) di dalam rancangan-rancangan tersebut, maka pindaan Seksyen 10 di dalam Ordinan ini adalah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan di atas terdapat juga tambahan Seksyen-seksyen yang baharu di dalam Ordinan ini iaitu Seksyen-seksyen 18 hingga 27. Dengan ringkasnya satu daripada peruntukan-peruntukan tambahan yang penting iaitu di Seksyen 18 dan 19 adalah bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk mengarahkan RISDA memberhentikan atau menarik balik apa-apa bantuan yang telah diterima di bawah rancangan-rancangan kelolaan RISDA tanpa memberi apa-apa sebab. Peruntukan juga dibuat di Seksyen 19 bahawa tindakan Menteri ini tidak boleh disoal di dalam Mahkamah. Selain dari itu seperti yang diperuntukkan di Seksyen 20, apabila Menteri yang berkenaan mengarahkan supaya diberhentikan atau ditarik balik bantuan yang telah diterima, maka Mahkamah akan memutuskan iaitu seseorang itu telah berhutang kepada RISDA manakala dakwaan dijalankan. Dalam hal ini Menteri akan menentukan orang yang akan diberhentikan atau ditarik balik bantuan ke atasnya dan orang-orang ini termasuk peserta rancangan, agen peserta atau orang-orang yang menerima bantuan bagi pihak peserta.

Satu lagi peruntukan yang penting di dalam Seksyen-seksyen tambahan ini iaitu di Seksyen 22 adalah pemberian kuasa yang luas kepada Menteri untuk mendapatkan balik wang bantuan yang telah diberi dan dalam hal ini harta-harta orang-orang yang didakwa akan juga dikira dan ini termasuk harta-harta yang diberi kepada saudara-saudara mereka.

Peruntukan-peruntukan tambahan di seksyen 23 dan 24 juga memberi kuasa kepada RISDA untuk mengadakan tindakan-tindakan sivil ke atas peserta-peserta yang mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan di bawah kelolaannya dan dengan persetujuan Menteri RISDA juga diberi kuasa untuk membekukan harta-harta mereka yang didakwa.

Satu lagi peruntukan yang penting yang ditambah di dalam Ordinan ini iaitu di Seksyen 25 ialah pemberian kebebasan (immunity) kepada Menteri daripada tindakan undang-undang sivil ke atasnya sungguhpun tindakan-tindakan telah diambil untuk memberhentikan bantuan, menarik balik harta-harta dan membekukan harta-harta yang tersebut di atas. Begitu juga, pihak yang berkenaan tidak boleh mengambil tindakan sivil ke atas Menteri atau RISDA mengenai apa-apa tuntutan bantuan yang sepatutnya mereka menerimanya tetapi telahpun diarahkan supaya diberhentikan bantuan tersebut. Peruntukan ini juga memberi kebebasan ke atas Menteri atau RISDA daripada tindakan yang sivil ke atas perkara-perkara atau tindakan-tindakan yang telah dilakukan oleh badan-badan sebelum tertubuhnya RISDA atau pegawai-pegawai di bawah Ordinan ini atau di bawah Akta RISDA, 1972.

Lain-lain peruntukan tambahan di bawah Ordinan ini yang tidak disebutkan tadi adalah untuk mengemaskan sambil mengetatkan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan Kumpulanwang di bawah RISDA supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan juga dibuat di Seksyen 15 dalam Ordinan Kumpulanwang Getah Malaysia (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 yang bertujuan untuk memberi biasiswa-biasiswa kepada pekerja-pekerja yang sedang berkhidmat dan juga bakal-bakal pekerja Lembaga untuk mengikuti kursus yang mengutamakan sains dan teknologi bagi anak orang-orang yang bertugas dalam perusahaan getah umpamanya anak-anak pekebun-pekebun kecil dan yang benar-benar memerlukan biasiswa.

Selain dari itu bagi Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, 1972 pindaan adalah dibuat di Seksyen 3 yang bertujuan untuk memperbaiki peruntukan yang lama di dalam mana didapati di bawah Seksyen lama

itu semua perlantikan ahli-ahli MREL B mesti dibuat; kesemuanya termasuk ahli-ahli dari Sabah dan Sarawak. Pindaan ini akan mengesahkan penubuhan MREL B sungguhpun ahli-ahli Lembaga itu tidak kesemuanya dilantik pada waktu ini.

Akhirnya saya juga mencadangkan pindaan kepada Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 iaitu di Seksyen 4, yang bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan mengenai keahlian Pihakberkuasa RISDA oleh kerana terdapat beberapa pertukaran Kementerian telah berlaku baru-baru ini dan juga pada tahun-tahun yang lepas. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, ini akan dapat mengelakkan pindaan-pindaan yang berbangkit apabila terdapat pertukaran atau perubahan Kementerian. Pindaan ini juga melibatkan kemasukan seorang ahli baharu iaitu daripada Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC), dan tambahan dua orang ahli-ahli yang mewakili pekebun-pekebun kecil, iaitu tambahan seorang daripada Semenanjung Malaysia dan tambahan seorang dari Sabah dan seorang bagi Sarawak supaya menjadi tujuh orang kesemuanya bagi wakil-wakil pekebun kecil. Setelah dikaji dengan teliti mengenai komposisi ahli-ahli RISDA, didapati tambahan ahli-ahli ini adalah perlu supaya RISDA dapat menjalankan aktiviti-aktivitinya dengan lebih berkesan di seluruh Malaysia serta juga masalah perlantikan ahli dari Sabah dan Sarawak secara bergilir-gilir seperti dahulu dapat diatasi. Tambahan seorang ahli lagi bagi mewakili pekebun-pekebun kecil dari Semenanjung Malaysia sangatlah menasabah dengan sebab bahawa sektor pekebun kecil dari Semenanjung Malaysia adalah lebih penting, baik dari segi pengeluaran serta juga keluasan.

Seperti juga dengan Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, 1972 pindaan dibuat kepada Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 mengenai perlantikan ahli-ahli daripada Sabah dan Sarawak. Pindaan yang dicadangkan ini adalah untuk membetulkan kekeliruan yang berlaku semasa kedua-dua Akta ini dipinda pada bulan Mac 1975. Ini adalah kerana penubuhan RISDA seperti juga MREL B hanya sah bagi tempoh perlantikan ahli-ahlinya kali yang pertama sahaja (iaitu selama tempoh 2 tahun) tetapi

bagi tempoh keduanya, penubuhan kedua-dua Lembaga tersebut tidaklah sah dari segi undang-undang tanpa perwakilan dari Negeri Sabah dan Sarawak. Dengan itu peruntukan-peruntukan yang tertentu dimasukkan supaya penubuhan kedua-dua Lembaga tersebut adalah sah pada bila-bila masa sahaja.

Pindaan adalah juga dicadangkan di Seksyen 6 dalam Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 bagi RISDA menubuhkan Perbadanan dengan kelulusan Kerajaan yang difikirkan perlu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah RISDA dan termasuk:

- (i) Pemberian kredit baja dan kredit tanaman kontan;
- (ii) Memberi kuasa kepada RISDA untuk menyumbangkan wang kepada Persatuan atau badan-badan yang ditubuhkan untuk memberi menafaat kepada pekebun-pekebun kecil selain daripada memberi pinjaman atau modal kepada perbadanan yang akan ditubuhkan oleh RISDA;
- (iii) Memberi kuasa kepada RISDA dengan persetujuan Menteri untuk menggunakan Kumpulanwang bagi lain-lain tujuan tetapi tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah, 1972 atau Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952. Pindaan-pindaan yang lain yang tidak saya sebutkan di atas tadi adalah kecil dan semata-mata berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.47 *ptg.*

Dr Tan Chee Khoo (Kepang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang atau Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan saya ingin menyokong sepenuh-penuhnya cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian atau mengesyorkan beberapa

cadangan yang saya berharap boleh diterima oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Pertamanya, Akta ini membuat perubahan-perubahan tentang empat Akta tetapi mengapakah Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak mengambil kesempatan yang ada sekarang untuk codify umpamanya Rubber Replanting Fund A dan B itu ke dalam satu Rubber Replanting Fund. Saya nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kalau sekiranya seorang pekebun kecil ingin hendak mendapat bantuan di bawah Rubber Replanting Fund A atau B dan diterangkan bahawa ini Rubber Replanting Fund A dan ini B, maka pekebun-pekebun kecil dan saya sendiri mendengar penjelasan tersebut. Saya dengar barangkali di sini masuk dan di sana keluar—tidak faham. Tetapi kalau sekiranya Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil kesempatan untuk codify kedua-dua Replanting Fund ini ke dalam satu Replanting Fund, maka apa yang dicadangkan oleh saya boleh menjadi lebih berkesan kepada pekebun-pekebun kecil dan di sini saya pun hendak mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang beberapa borang yang kena diisikan oleh pekebun-pekebun kecil. Pekebun-pekebun kecil bukannya mahir atau ada kelulusan tinggi dan kalau Kerajaan memaksa mereka mengisikan borang yang begitu banyak, tentulah pekebun-pekebun kecil tersebut tidak boleh berbuat demikian. Oleh itu saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengurangkan sedikit-sebanyak borang-borang yang perlu diisikan oleh pekebun-pekebun kecil supaya mereka boleh memahami apa yang mereka isikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang menunaikan janji beliau kepada Dewan ini tentang apa yang berlaku di dalam RISDA. Saya masih ingat saya ada membangkitkan di dalam Dewan ini beberapa corrupt practice; fraudulent practice dan beliau menyatakan beliau akan mengambil tindakan yang tegas dan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan oleh sebab saya berpendapat beberapa pegawai RISDA telah dihadapkan ke Mahkamah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tindakan itu tidak mencukupi. Saya berpendapat ada banyak lagi pegawai-pegawai di dalam

RISDA atau yang dahulu di dalam Rubber Replanting Fund Board (A) dan (B) itupun ada membuat fraudulent practice, dan perlu Menteri yang berkenaan ataupun Biro Siasatan Negara menyiasat perkara ini dengan teliti dan membawa sesiapa pun yang telah membuat salah atau menipu Kerajaan atau menipu pekebun-pekebun kecil mereka perlu dan terpaksa dibawa ke mahkamah, Tuan Yang di-Pertua.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk menarik Menteri yang berkenaan juga tentang pemilihan pegawai-pegawai atau ahli-ahli ke beberapa Lembaga yang disebutkan oleh beliau di dalam ucapannya. Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh mengkaji latar belakang semua pegawai-pegawai tertinggi mahupun ahli-ahli untuk beberapa Lembaga yang disebutkan oleh beliau supaya mereka tidak boleh membuat kesalahan seperti yang disebutkan oleh saya dan beliau benar-benar boleh mencegah apa-apa perbuatan yang salah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira di dalam Akta ini, apa yang disebutkan di dalam Akta ini, seumpamanya, Menteri yang berkenaan telah menyebutkan pegawai-pegawai di dalam beberapa authority boleh mendapat biasiswa dan anak-anak pekebun-pekebun kecil boleh dapat biasiswa. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kali yang pertama saya terbaca peruntukan seperti ini untuk anak-anak kakitangan Kerajaan dan juga, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira apabila saya baca ada peruntukan untuk sukan (recreation) bagi pegawai-pegawai tertentu. Tuan Yang di-Pertua, ini kali yang pertama juga saya terbaca di dalam satu Bil dan saya pun tidak pernah membaca peruntukan seperti ini di dalam apa-apa Bil yang dibawa oleh beberapa orang Menteri ke Dewan ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan. Saya berharap Menteri yang lain yang membawa Rang Undang-undang ke Dewan ini mengambil tahu kesusahan, kemahuan dan hasrat kakitangannya dan juga hasrat anak-anak kakitangannya seperti kemudahan-kemudahan yang begitu baik dan sempurna yang diberi di dalam Akta ini.

3.55 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong

Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri Perusahaan Utama dan saya yakin dengan Rang Undang-undang ini pekebun-pekebun kecil akan mendapat pemasaran-pemasaran getah yang lebih baik lagi. Sebagaimana kita semua maklum, tindakan yang telah dijalankan oleh Menteri yang berkenaan amatlah berkesan dan saya juga bersetuju supaya apa-apa yang dilakukan oleh setengah-setengah Jabatan lain akan mencontohi apa yang telah dilakukan oleh Menteri yang berkenaan. Di samping itu, sukalah saya mengesyorkan beberapa perkara untuk kebaikan lagi dari segi pekebun-pekebun kecil iaitu berkenaan dengan tanaman semula.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kenaikan harga baja yang telah melambung di segenap segi dan sebagainya, saya berharaplah kalau peruntukan yang telah diberi kepada pekebun-pekebun kecil khasnya patutlah mendapat timbangan semula. Sebagaimana kita sama-sama tahu pada hari ini harga baja sebagaimana saya katakan tadi harga memproses tanah dan sebagainya telah melambung daripada masa yang telah berlalu dengan sebab itu patutlah dikaji semula.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga kepada pekebun-pekebun kecil khasnya yang mendapat tanaman semula patutlah digalakkan oleh Menteri yang berkenaan supaya menanam tanaman sementara yang agak mendapat pendapatan buat sementara semasa menunggu pendapatan daripada getah yang kita tahu memakan masa lebih daripada 5 tahun, seperti tanam pisang dan apa-apa tanaman yang agak bersesuaian dengan tanah dan bersesuaian dengan pasaran. Ini patut digalakkan oleh pihak RISDA sendiri. Saya tahu pihak RISDA akan membayar wang kepada pekebun-pekebun kecil di samping mereka akan membayar wang mereka memberi satu nasihat. Jadi kalau nasihat daripada orang yang tidak bertanggungjawab kadang-kadang orang ini tidak mahu ikut, tetapi kalau dinasihatkan oleh orang yang ia terpaksa menerima wang kebanyakan nasihat itu akan dipatuhi oleh orang-orang yang berkenaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, perkara geran dan saya tahu Menteri yang berkenaan juga biasa ke Perlis. Kita tahu untuk mendapatkan wang tanaman semula ialah kepada

tanah yang bergeran. Tetapi kita percaya banyak di antara pekebun-pekebun kecil yang mengeluarkan hasil getahnya sedangkan tanahnya tidak ada geran, kalau adapun lesen tanah sementara ataupun TOL. Kalau kita hendak salahkan kepada pekebun-pekebun kecil sendiri kerana tidak dapat geran ini saya fikir tentulah tidak adil kerana salah kepada setengah-setengah pihak. Boleh jadi minta daripada Pejabat Tanah beberapa tahun tidak dapat diproses, maklumlah Pejabat Tanah juga tidak cukup kakitangan. Itu biasa berlaku.

Yang keduanya, syarat-syarat yang diminta wang petaruhan dan sebagainya kadang-kadang tidak dapat dibayar oleh pekebun-pekebun kecil. Maklum hendak membayar dengan serta-merta, misalnya, sampai beribu-ribu ringgit ini akan menambahkan kepayahan kepada pekebun-pekebun kecil, apatah lagi mengikut keadaan kadang-kadang harga getah telah turun. Ini nasib baiklah dengan ikhtiar Menteri yang berkenaan harga getah bertambah naik. Saya ucapkan syabas dan terima kasih, tetapi walau bagaimanapun sebagaimana saya katakan tadi patutlah diikhtiar kerjasama dengan Menteri Kemajuan Tanah, terutamanya untuk mendapatkan geran-geran yang saya katakan tadi. Biarlah ada bertolak ansur yang mana kita tahu tanah ini betul-betul ditanam dengan getah tetapi tidak dapat geran. Selagi mereka tidak dapat geran selama itulah mereka tidak mendapat bantuan tanaman semula walaupun tanah itu betul-betul untuk bertanam getah, sedangkan hasil yang kita dapat daripadanya semacam juga dengan tanah yang bergeran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga berkenaan dengan pasaran. Harga getah kita tahu ada kalanya turun, ada kalanya naik, ini telah diusahakan oleh Menteri yang berkenaan sendiri dengan melawat keluar negeri menjaja getah dan sebagainya, dan kadang-kadang Menteri yang berkenaan sendiri biasa diugut, biasa saya dengar cerita beliau ke Baling menerangkan kedudukan getah, maka apa yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan sama-sama kita maklum dan sama-sama kita tahu dan kita ucapkan terima kasih.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memperkerusikan Mesyuarat*)

Tetapi yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana barga getah naik sekalipun bagi pekebun-pekebun kecil ini amatlah sedih, kerana kalau dibandingkan dengan getah pekebun kecil ini selalunya mendapat nombor yang akhir sekali. Katakan getah itu sekati \$1 lebih ataupun \$120 sepikul tetapi kerap kali pekebun kecil tidak mendapat harga yang berkenaan, kerana getah mereka itu mutunya terlampau kurang, kalau tidak silap saya dibahagi markah sampai nombor 5 dan nombor yang akhir. Dengan sebab itu saya berharap kepada Lembaga Perusahaan Getah ataupun kepada RISDA atau kepada Menteri yang berkenaan patutlah menolong pekebun-pekebun kecil dengan lebih daya usahanya lagi dengan membanyakkan lagi tempat-tempat membeku getah dan juga mengadakan tempat-tempat asap getah. Kerana getah-getah yang tidak berasap sebagaimana yang saya katakan tadi, dan getah mutu yang kurang baik perbezanya amatlah jauh sedangkan getah tetap keluar daripada pokok getah biasa. Tetapi oleh sebab kekurangan membuat getah beku dan getah asap menjadikan harga getah pekebun kecil ini amatlah merosot.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat patutlah juga pekebun-pekebun kecil yang menanam getah dengan tidak bergeran tadi kalau hendak diberi tanam semula tentulah salah kepada peraturan, kerana mereka ini tidak bergeran, tetapi kalau ada kenyataan yang cukup, tanahnya TOL, kenyataan daripada penghulu mukimnya cukup, mereka ini betul-betul menanam getah dan biasa mendapat hasil, walaupun bukan cara bergeran tetapi dengan TOL, patutlah juga diberi pertimbangan kepada pekebun-pekebun kecil yang berkenaan. Saya percaya dengan sebab itulah Menteri yang berkenaan mengambil tindakan. Kadang-kadang syaratnya sahaja ada kebun getah tetapi getahnya tak lebih daripada satu ekar 4 pokok, tetapi kerana syaratnya ada maka hamba Allah yang ada syarat tadi boleh mendapat tanam semula, sedangkan yang betul-betul ada getah sampai penuh satu ekar, tak boleh dapat kerana syarat tersebut menyekat orang itu. Walhal dari segi keadilan, dari segi kebenaran, yang ada getah ini patut dapat, tetapi oleh sebab seperti yang saya katakan tadi gerannya tidak ada, tanahnya tidak bergeran, ia tidak mendapat tanam semula. Saya berharap

kepada Menteri yang berkenaan mengambil tindakan yang sungguh-sungguh. Sebagaimana kita lihat hari ini, kita ucapkan tahniah kepada Menteri kerana banyaknya dibuat untuk kebaikan kepada negara dan boleh dicontohi oleh Menteri yang lain. Tetapi pada pendapat saya Menteri ini patut menyontohi Menteri lain. Saya beri contoh seperti Menteri Pertanian. Dalam soal pertanian, ada Persatuan Peladang yang terdiri daripada petani. Nampaknya setakat hari ini, saya tengok Persatuan Peladang amatlah mendapat sambutan yang baik dan diketahui oleh peladang itu sendiri dengan daya usaha daripada Jabatan Pertanian yang sungguh-sungguh. Kementerian melantik seorang yang khas menjadi Pengarah Persatuan Peladang. Saya juga berpendapat, patutlah pekebun-pekebun kecil ini mengadakan satu pengarah kepada semua pekebun kecil yang diberi gaji oleh badan atau diberi gaji oleh RISDA sendiri yang bertanggungjawab kepada pekebun-pekebun kecil. Walaupun kita tahu berkenaan hal pekebun kecil, saya fikir tidak ada orang yang lebih pandai daripada pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Masalah getah ini adalah menjadi masalah negara, kepada estet mereka tidaklah begitu terasa, kerana getahnya banyak, tetapi bagi pekebun kecil sesudah getah harganya murah bertambahlah rumit bagi pendapatannya. Dengan sebab itu, saya berharap daya usaha yang sungguh-sungguh sebagaimana yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan agar dijalankan lagi sebagaimana yang saya syorkan tadi. Ini akan membawa hasil pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil juga kepada negara.

Dengan ini sekali lagi saya sokong Rang Undang-undang ini.

4.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih dan memuji di atas langkah Yang Berhormat Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini kerana ini mungkin disebabkan pengalaman-pengalaman di masa yang lalu di mana menjadi masalah dalam beberapa hal dalam RISDA ini.

Saya mengucapkan terima kasih juga kerana Yang Berhormat Menteri telahpun menunaikan janjinya untuk mengadakan kawalan yang benar-benar terhadap RISDA dan terhadap pekebun-pekebun kecil, khususnya di atas langkah yang telah diambil untuk membawa beberapa pihak yang tertentu ke mahkamah kerana menghilangkan wang orang ramai. Ini saya ucapkan terima kasih kerana kita adalah pemegang amanah Tuhan yang diberi untuk menjaga harta rakyat, harta orang ramai di mana RISDA adalah wang yang dikumpul dari keringat orang ramai, keringat rakyat dengan potongan hasil penjualan getah daripada satu masa ke satu masa. Jadi merugikan ataupun menghilangkan wang orang ramai dengan tidak tentu arah adalah satu pengkhianatan kepada negara dan kepada rakyat, maka langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat Menteri adalah dialu-alukan. Saya rasa kalau cara ini diambil dari satu masa ke satu masa maka sudah tentu negara kita akan berada dalam keadaan yang lebih aman dan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira dengan beberapa pindaan yang dikemukakan oleh Menteri tentang kuasa yang akan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberhentikan ataupun untuk mendapat balik penilaian atau sebahagian daripada penilaian atas apa-apa bantuannya yang telah diberi di bawah mana-mana skim. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik, kerana di masa yang lalu beberapa kejadian di mana pekebun-pekebun kecil telah mengalami penipuan oleh sebahagian atau segelintir pemborong-pemborong yang telah mengambil cap jari ataupun tandatangan daripada pekebun-pekebun kecil yang memberi kuasa kepada mereka untuk mengambil bantuan daripada pihak RISDA. Selepas itu apabila mereka telah mengambil wang dan mereka hanya menjalankan kerja yang sedikit, wangnya telah diambil selepas itu mereka cabut, tinggalah pekebun-pekebun itu dengan keadaan yang tidak sempurna. Saya rasa dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini mungkin itulah maksud yang tindakan akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mendapatkan balik wang yang diberi oleh pihak RISDA kepada pemborong-pemborong yang telah menyalahgunakan kuasa itu. Dan hanya diberi kepada mereka mengikut kadar kerja yang telah dibuat ataupun dijalankan oleh pemborong itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menyebut tentang satu masalah iaitu bantuan pertama telah diberi oleh RISDA kepada pemborong-pemborong setelah pekebun kecil menandatangani surat kuasa menerima bantuan itu, setelah itu maka mereka cabut, tinggalah sebahagian lagi bantuan, kerjanya tidak berjalan, seolah-olah terpaksa pekebun kecil itu membuat kerja semula di atas tanahnya. Jadi ertinya dengan demikian belanja itu bertambah lebih daripada yang ada bantuan, yang masih ada pada RISDA. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian atas hal ini samada boleh ditimbangkan bantuan yang lebih lagi. Sebab, saya rasa baki bantuan yang ada sudah tentu tidak mencukupi untuk memproses kebun-kebun kecil yang terbiar begitu. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di dalam hal ini dan jika dapat ditambah lagi bantuan dengan mana-mana punca sekali pun.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira dengan biasiswa yang akan diberikan kepada anak-anak pekerja dan anak-anak pekebun kecil. Saya mengalu-alukan langkah yang dijalankan ini di mana akhirnya anak-anak pekebun kecil akan dapat melangkah ke dalam bidang pelajaran-pelajaran yang tertentu. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri supaya ditumpukan lebih banyak biasiswa kepada bidang yang ada kaitan dengan getah, sebab mengikut kaedah biasa seorang anak akan mengikuti keturunan-keturunannya iaitu kalau bapanya adalah seorang pekebun kecil, maka minatnya kepada getah tentulah lebih banyak. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kalau boleh membawa anak-anak pekebun-pekebun kecil dalam bidang pengajaran getah, samada tanaman getah ataupun memproses getah dan sebagainya. Saya rasa langkah yang diambil ini adalah baik sekali apatah lagi kepada pekebun-pekebun kecil sudah tentu ini adalah satu berita yang menggembirakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan berkenaan dengan penubuhan perbadanan yang tercatat dalam Bahagian D, Seksyen 6 (2) (c) yang mungkin akan ditubuhkan oleh pihak RISDA setelah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dalam hal ini. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik juga, iaitu pekebun-pekebun kecil banyak memerlukan alat-alat yang ada kaitan

dengan getah. Jika ada perbadanan ini yang akan menjual alat-alat yang berkaitan dengan getah maka sudah tentu pekebun kecil akan dapat membeli dari pihak perbadanan ini.

Saya juga mengesyorkan RISDA menubuhkan satu perbadanan perunding dan pengurusan dalam menjayakan tanaman semula kepada pekebun-pekebun kecil, kerana kita lihat Kerajaan sendiri kadang-kadang membuat projek-projek tanaman seperti ini diserahkan kepada kontraktor iaitu satu kontraktor yang dinamakan perunding dan pengurusan seperti Barlow Boustead Estate Agency dan sebagainya yang expert dalam hal ini. Saya rasa oleh sebab RISDA banyak pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman di dalam bidang penanaman getah, maka perlu ditubuhkan anaknya sendiri yakni anak perbadanannya yang dinamakan perbadanan perundingan dan pengurusan untuk menanam getah kepada pekebun-pekebun kecil. Saya mencadangkan ini disebabkan di masa yang lalu banyak pekebun kecil menerima bantuan tetapi tidak menghasilkan anak yang benar-benar yang dikehendaki oleh pihak Kementerian. Banyak yang saya tahu anak yang tumbuh ialah anak yang lain daripada anak yang dicantumkan. Dengan adanya perbadanan ini bolehlah ia mengambil alih tugas-tugas yang telahpun dijalankan oleh pekebun getah sendiri yang selama ini mereka mengambil bantuan \$900 untuk mereka membuat belanja, selepas habis duit \$900 anaknya tidak tumbuh dan duit itu telah habis. Jadi kalau perbadanan ini dapat menjalankan kerjanya sudah tentu anak yang benar-benar yang dikehendaki oleh kita akan tumbuh.

Selain daripada itu, saya ingin membawa satu masalah iaitu masalah getah yang terbakar. Banyak kejadian-kejadian kebakaran di kebun-kebun kecil, mereka tidak mempunyai insuran seperti estet-estet yang besar. Jadi apakala getah ini terbakar hendak minta bantuan semula tidak dapat. Yang Berhormat Menteri boleh betulkan kalau saya salah, tetapi setahu saya tidak dapat, bukan kerana getah itu tua, getah ini belum dipotong atau baru dipotong, tetapi getah ini musnah disebabkan kebakaran, maka di mana hendak mendapat bantuan. Oleh itu, pihak RISDA hendaklah ambil perhatian dalam hal ini supaya diadakan satu sekim iaitu untuk getah-getah yang terbakar sekiranya kejadian kebakaran berlaku, maka boleh

disalurkan bantuan kepada sekim ini. Sekarang ini susah sebab kalau hendak meminta kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri mengatakan tidak ada duit, minta dengan FELDA dia mengatakan tidak campur, dan apabila meminta bantuan kepada FELCRA dia mengatakan cerita lain. RISDA pula mengatakan dia hanya memberi bantuan kepada yang tanam semula. Saya minta kepada RISDA supaya mengadakan sekim ini untuk faedah mereka yang saya katakan tadi, sebab kebakaran banyak berlaku, khasnya pada tahun ini setelah kita mengalami kemarau. Saya lihat di Pahang, Trengganu dan Kelantan banyak benar berlaku kebakaran di sana-sini. Kalau di estet saya tidak bimbang kerana mereka mempunyai banyak duit dan mungkin ada bantuan-bantuan yang lain, tetapi kepada pekebun-pekebun kecil saya benar-benar meminta kepada Yang Berhormat Menteri dalam hal ini. Itu sahajalah harapan dan saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini.

4.18 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Badan Berkanun Getah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri oleh sebab saya lihat ada dua Section di sini yang memberi scholarships dan bantuan kepada kakitangan di RISDA dan Replanting Board.

Yang pertama dalam Section 9 (2) 2. "(c) the training of officers dan juga dalam 9 (2) 2 (c) scholarships for studies for the children smallholders."

Dalam part B—Seksyen 15 (h) dan (i) mengatakan:

"(h) scholarships for higher studies for serving as well as prospective employees of the Board;

(i) scholarships for the pursuit of courses oriented to science and technology for the children of persons engaged in the rubber industry on principles to be approved by the Minister;"

Saya berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan patutlah apabila ada peluang dan kesempatan bagi mendapatkan scholarship hendaklah diberitahu dan disiarkan aturannya kepada semua pekebun kecil dan kepada orang yang dikatakan di sini "persons engaged in the rubber industry."

Saya suka menyentuh Jadual (Seksyen 2) seperti berikut:

- "2 ... 1. Tambah takrif berikut selepas sahaja takrif "Minister"—
 " 'owner of land' means the registered proprietor of such land within the meaning of the National Land Code and includes the personal representative of the deceased owner."
 2. Tambah takrif berikut selepas sahaja takrif "rubber plant"—
 " 'smallholder' means except under the provisions of subsection (1) of section 16 of this Ordinance, the owner of land with a total area of less than 100 acres;"

Barangkali Yang Berhormat Menteri pun mengetahui ada beberapa banyak kejadian dalam negara kita di mana berlaku pemecahan kebun besar yang dijual oleh pihak spekulator sejak 10 tahun dahulu tetapi hingga sekarang pihak pembeli masih belum mendapat sub-divided titles. Jadi pembeli bahagian-bahagian kebun daripada pihak spekulator, yang membeli 500 hingga 1,000 ekar daripada Plantation Companies sampai sekarang belum mendapat sub-divided titles. Keadaan yang tidak adil ini saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menyiasat. Apa yang saya tahu di kawasan saya ada lebih kurang tiga-empat kebun yang dahulu dipunyai oleh orang Putih sampai sekarang sudah 10 tahun belum lagi diberi title dan juga orang yang membeli pemecahan kebun orang Putih itu sampai sekarang belum lagi dapat bahagian di dalam sekim penanaman semula getah. Hal ini saya berharap Menteri berkenaan bolehlah menyiasatnya. Jika kita mengikut definasi " 'owner of land' means the registered proprietor of such land," maka pembeli-pembeli itu akan menghadapi kerugian. Demikian juga di dalam Fund A ada beberapa banyak spekulator yang dapat rubber cess tetapi rubber cess yang diperoleh oleh spekulator itu tidak dibagikan kepada pembeli sub-divided portions of the land. Saya berharap Menteri berkenaan menyiasat hal ini juga.

Demikianlah sahaja yang dapat saya sentuh, sekali lagi saya menyokong dengan gembira kerana inilah satu peluang kepada anak-anak pekebun kecil dan juga anak-anak

pekerja yang bertugas dalam perusahaan getah yang benar-benar memerlukan biasiswa mendapat peluang.

4.25 ptg.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya sangat menghargai atas pujian-pujian yang telah diberikan kepada saya dan juga pendapat yang membina yang telah dikemukakan oleh setiap orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Saya suka menjawab sedikit-sebanyak hujjah-hujjah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama sekali ialah hujjah yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang telah membuat cadangan supaya dicodifykan (codify) Fund A dan Fund B—Replanting, oleh sebab katanya pekebun kecil nampaknya kurang faham dan bingung sedikit, hasil daripada perbezaan dalam Fund A dan Fund B ini. Saya suka menyatakan di sini bahawa sebenarnya pekebun kecil tidak bingung oleh sebab memang telah terang di dalam pemikiran dan fahaman mereka bahawa perbezaan di antara Fund A dan Fund B ini ialah semata-mata oleh kerana membezakan wang yang mana dikhaskan untuk pekebun kecil penggunaan cess daripada pekebun kecil dan wang yang mana digunakan daripada pendapatan cess daripada estet-estet. Oleh itu tidaklah ada soal bercanggah, dan tujuan kita mengadakan Fund A dan Fund B ini semata-mata di sini segi pentadbiran kumpulan wang cess daripada kedua-dua pihak pekebun kecil dan pihak estet.

Berhubung dengan soal terlampau banyak borang yang digunakan oleh RISDA, saya suka menyatakan bahawa pihak RI A memang sedar atas kelemahan ini dan memang sedar bahawa kalau terlampau banyak borang yang harus diisi oleh pekebun kecil mungkin pekebun kecil tidak dapat memahami atas cara-cara sebenarnya mereka boleh mendapatkan bantuan daripada RISDA. Untuk mengatasi soal ini satu kajian sedang dibuat oleh pihak RISDA dan kita bertujuan daripada kajian ini untuk mengurangkan seberapa banyak borang-borang ini dan di mana borang-borang akan dipasikan

perlu akan dibuat mengikuti dan berasas kepada undang-undang dan tidak dibuat semata-mata dari segi pentadbiran untuk mengelakkan bahaya salahguna borang-borang ini oleh pihak-pihak yang tertentu yang suka mengeksploitasi pekebun kecil.

Soal yang ketiga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah soal penyelewengan yang juga telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Saya suka menyatakan di sini bahawa memang saya bersetuju bahawa undang-undang manapun tidak akan dapat mengatasi soal ini 100%. Soal penyelewengan ini banyak ada hubungannya dengan soal pentadbiran, soal tabiat manusia, soal taraf hidup dan soal perasaan, semangat pekerja-pekerja dan kesedaran di kalangan rakyat pada keseluruhannya. Saya suka menyatakan di sini walaupun kita telah mengambil tindakan tegas di dalam beberapa kejadian penyelewengan di kalangan RISDA, memang ada lagi penyelewengan yang sedang berlaku di dalam soal pemberian bantuan tanaman semula kepada pekebun-pekebun kecil dan penyelewengan ini sedang disiasat dan akan diambil tindakan oleh pihak B.S.N. oleh sebab kita telah menyerahkan kejadian itu kepada pihak B.S.N. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri akan memberi kerjasama yang penuh kepada kami untuk melaporkan dan memberitahu atas apa-apa jua kejadian yang d'fikirkan menyeleweng daripada kehendak dan tujuan penubuhan RISDA yang pada dasarnya hendak membantu pekebun-pekebun kecil.

Soal yang keempat yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah soal pemilihan pegawai. Saya suka menyatakan bahawa itulah peruntukan-peruntukan yang sedang digubal dan diminta persetujuan Dewan ini untuk membenarkan mereka yang benar-benar perlu mendapatkan biasiswa ataupun yang benar-benar difikirkan terlatih dan sesuai untuk diambil sebagai pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian saya terutama sekali yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya suka menyatakan di sini bahawa sebenarnya memang ada di kalangan RISDA misalnya, satu rancangan untuk menanamkan semangat kesedaran di kalangan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai di dalam RISDA supaya mereka benar-benar mengetahui hasrat pekebun-pekebun kecil iaitu rakyat jelata yang begitu

tertinggal di dalam kemajuan dan rancangan-rancangan ini sedang dilaksanakan oleh RISDA dan Alhamdulillah nampaknya setakat ini sudah pun berjaya untuk menanamkan semangat kesedaran di kalangan pegawai-pegawai RISDA. Dan saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengelakkan salah faham di kalangan rakyat jelata, mengambil kesempatan untuk memuji pegawai-pegawai RISDA yang ada sekarang ini di dalam RISDA, memuji mereka oleh sebab mereka sedang menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan hasrat kesedaran. Tanggungjawab mereka untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil sendiri. Ada terjadi penyelewengan-penyelewengan ialah kejadian-kejadian yang terencil dan mereka yang bertanggungjawab ataupun yang tidak bertanggungjawab Insya Allah akan dapat ditangkap dan dihukum bukan sahaja di Mahkamah, dihukum, saya percaya mengikut ajaran ugama di dalam cara hidup mereka dan kehidupan mereka sehari-hari.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyebutkan soal-soal kurang pemberian bantuan kepada pekebun-pekebun kecil. Pihak RISDA memang sedar atas kekurangan ini oleh sebab itulah kalau dikaji dari segi sebarang pemberian bantuan ini kita telah dapati bagaimana bantuan ini telah ditambah daripada \$500 dahulu dinaikkan ke \$750 seekar, dan pada permulaan tahun 1975 baharu sahaja dinaikkan keparas \$900 seekar. Dan kita akan sentiasa mengkaji kedudukan ini dan keperluan ini, tetapi saya suka mengingatkan bahawa bantuan yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil itu berasaskan kepada \$900 ini ialah tidak termasuk bantuan tenaga dan service (perkhidmatan) yang diberikan oleh pihak RISDA. Jadi soal ini saya fikir tidaklah harus dibangkitkan untuk masa ini oleh sebab kita dapat menampung kesukaran rakyat jelata mendapatkan kemudahan tambahan dengan RISDA sendiri menjalankan tugas ini dengan rancangan-rancangan yang tertentu yang akan saya sebutkan juga di dalam jawapan saya ini.

Soal tanaman sementara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar perlu saya sebutkan di sini oleh sebab memang sudah ada rancangan sementara dijalankan oleh pihak RISDA, oleh sebab RISDA cuba sedar bahawa tanaman getah itu mengambil masa sekurang-kurangnya lima atau enam

tahu dan memang pekebun kecil berkehendakkan menampung kehidupan mereka dan tidak terbiar dengan tidak ada pendapatan angsumg. Oleh sebab itulah kita mengadakan rancangan-rancangan tanaman kontan, tanaman-tanaman yang ain daripada getah supaya tanaman-tanaman yang boleh menampung pendapatan pekebun-pekebun dibuat dengan jangka pendek ini akan dapat menampung pendapatan pekebun-pekebun kecil sementara mer ka menunggu tanah yang ditanam dengan getah itu mengeluarkan hasil. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat hingga tahun 1975 pihak RISDA telah menggunakan dan memberi bantuan sebanyak \$2 juta untuk menjalankan tugas menampung pendapatan pekebun kecil sementara mereka menunggu hasil daripada tanaman getah mereka itu.

Soal geran tanah yang d bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu sebenarnya ialah soal Kerajaan Negeri. Walau macammanapun, saya telahpun beberapa kali di dalam lawatan saya ke negeri-negeri, berbincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga dengan pegawai-pegawai Kerajaan di atas cara-cara yang akan dapat diatasi di dalam soal geran ini. Saya takut sangat hendak bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan kalau tanah itu dipunyai oleh orang siapa pun, kalau tidak ada geran, kalau ada pokok getah, berikanlah bantuan dengan tidak menunggu lagi, mereka itu dipastikan benar-benar mempunyai tanah itu. Takut-takut salah orang yang meminta, sa ah orang yang dapat, salah tanah yang ditanam dan salah tanah yang diberi bantuan. Walau macammanapun kita sedang mencari jalan yang sebaik-baiknya supaya Kerajaan Negeri dapat memberi geran kepada pekebun-pekebun kecil di mana memang benar dapat dipastikan bahawa pekebun-pekebun kecil itu benar-benar mempunyai hak mendapatkan tanah yang ditanam oleh pekebun kecil itu.

Dalam segi ini saya memang sedar atas soal kewangan yang dihadapi oleh pekebun kecil oleh sebab kalau pun mereka dapat geran, mereka barangkali tidak ada wang hendak membayar premium berasaskan kepada kesulitan-kesulitan ini, pihak Kementerian saya melalui RISDA telahpun mencadangkan supaya kita akan cuba membantu pekebun-pekebun kecil yang berkenaan dengan kerjasama Bank Pertanian supaya dapat pinjaman diberi kepada pekebun kecil

itu untuk membayar premium yang dikehendaki oleh pekebun keci yang berkenaan dan juga di dalam soal ini apabila pekebun-pekebun kecil hendak menukarkan syarat, misa nya menanam getah, hendak menanam tanaman-tanaman yang lain ataupun daripada tanaman-tanaman yang lain kepada tanaman getah, pihak RISDA juga cuba memberi bantuan kewangan dengan secara pinjaman supaya dapat ditolak pula pinjaman ini daripada geran ataupun bantuan diberikan oleh RISDA sendiri.

Soa pasaran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga harus diberi penerangan yang jelas. Memang kita sedar di atas kekurangan, kebolehan, ataupun kemudahan-kemudahan di kalangan pekebun-pekebun kecil untuk memperbaiki mutu getah mereka. Tetapi kalau kita bandingkan kedudukan sebenarnya sebelum RISDA bergerak untuk memperbaiki quality getah pekebun kecil beberapa tahun dahulu dan dibandingkan dengan keadaan sekarang, kita nampak bahawa dengan penubuhan Pusat Memproses Getah Berkeompok atau pun pusat yang dikenai sekarang sebagai Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil yang merupakan 1,049 yang ada sekarang ini, maka quality getah pekebun-pekebun kecil pasti tentu sepertimana digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya telah mengarahkan memberi kawalan sepenuhnya untuk menubuhkan Pusat-pusat Memproses Getah dan Pembangunan Pekebun Kecil ini, oleh sebab soal ini ia ah soal pokok untuk menaikkan quality getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil oleh sebab dengan kenaikan quality itu maka tentulah naik harga dan dapatlah pekebun kecil harga getah yang lumayan lebih daripada biasanya yang dialami pada masa-masa yang lepas.

Di dalam soal Persatuan Pekebun-pekebun Kecil, saya suka mberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa sebetulnya Persatuan Pekebun-pekebun Kecil sudah pun ditubuhkan dengan disatukan Persatuan yang ada dua pada mulanya. Pada tahun yang lepas pada bulan Jun, satu Persatuan Pekebun Kecil yang tunggal telah ditubuhkan. Dan dalam masa satu tahun ini, saya telah diberitahu oleh persatuan ini bahawa pada bulan Jun yang akan datang mereka akan mengadakan Mesyuarat Agung mereka dan saya suka menyatakan di sini bahawa penubuhan Persatuan Pekebun Kecil

yang tunggal itu ialah merupakan satu dorongan yang telah saya sendiri beri kepada mereka untuk bersatu padu supaya dapat pihak RISDA membantu mereka, malahan sudah ada pun kewangan peruntukan yang sudah diberi kepada persatuan ini untuk persatuan ini bergerak. Dan juga saya suka menyatakan bahawa pihak RISDA di dalam Lembaganya telahpun ada wakil persatuan yang berkenaan ini, yang bermakna bahawa pekebun-pekebun kecil sendiri memainkan peranan mereka di dalam pentadbiran RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyebutkan beberapa perkara satu daripada soal yang disebutkan oleh beliau ialah soal bagaimana pekebun-pekebun kecil terpaksa mengerjakan tanahnya semula oleh sebab ketinggalan kerja oleh kontraktor dan pemborong-pemborong yang diberi tugas oleh pekebun kecil itu sendiri. Soal ini boleh kita timbangkan kemungkinan kita memberi bantuan asalkan dapat dipastikan bahawa ini bukan kesalahan pekebun kecil tetapi kesalahan pihak pemborong. Dan saya suka menyatakan bahawa soal ini mungkin tidak akan timbul berleluasa lagi oleh sebab pihak RISDA telah melancarkan projek tanaman semula berkelompok iaitu beramai-ramai mereka menanam semula dengan menggunakan samada kontraktor yang ditunjukkan oleh mereka bersama-sama ataupun dikerjakan oleh mereka sendiri dengan penyelenggaraan pihak RISDA sendiri. Dari sehari demi sehari malahan dengan projek tanaman semula berkelompok itu, pihak RISDA ada pegawainya yang ditempatkan di kawasan yang berkenaan itu untuk memastikan bahawa projek tanaman semula ini akan dapat kejayaan bukan sahaja penanaman lebih lagi kejayaan memperbaiki kualitinya, lebih lagi ke peringkat mendapatkan harga yang baik.

Soal pemilihan untuk memberikan biasiswa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu memanglah saya mengambil perhatian berat dan saya suka menyatakan bahawa memang sedang dijalankan oleh pihak RISDA dan badan-badan berkanun yang bertanggungjawab atas soal getah memberikan biasiswa kepada mereka dengan keutamaan perindustrian getah. Tetapi barangkali juga dipastikan bahawa di dalam perusahaan getah ini ada kekurangan pengetahuan di dalam segi

pemasaran antarabangsa dan sebagainya. Ini bermakna bahawa sesuatu kursus ekonomi yang lebih luas lagi daripada soal industri getah harus diberi dan digalakkan oleh mereka yang belajar dan untuk mereka mendapat biasiswa melanjutkan pelajaran mereka samada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Saya baharu sahaja pulang daripada luar negeri dan sewaktu saya melawat di negeri Belgium beberapa minggu yang lepas, saya telah mendapat kesempatan bertemu dengan lebih kurang 50 orang penuntut-penuntut kita yang sedang belajar di negeri Belgium sahaja dengan mendapat biasiswa melalui lembaga-lembaga di bawah Kementerian saya yang sedang mempelajari subjects ataupun perkara-perkara yang ada hubungan dengan getah dan ekonomi pertanian (agriculture economy) dan sebagainya yang menggambarkan bagaimana ataupun banyak anak-anak kita telah dihantarkan untuk menyediakan mereka memainkan peranan dalam hal ini.

Penubuhan perbadanan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun ini sebenarnya sedang dikaji oleh pihak Kementerian saya sendiri dan saya suka menyatakan bahawa sebenarnya saya sangat cautious, takut-takut sebelum dapat ditubuhkan sesuatu perbadanan itu, oleh sebab apabila saya menjadi back-bencher Kerajaan dulu, saya sendiri telah menarik perhatian Kerajaan bagaimana terlampau banyak badan-badan berkanun sungguhpun sudah ada badan-badan yang tertentu di bawah Kerajaan yang boleh menjalankan sesuatu tanggungjawab yang disebutkan ataupun difikirkan perlu. Walau macam manapun saya suka menyatakan, kita akan menubuhkan anak-anak syarikat ataupun anak-anak badan berkanun, sekiranya difikirkan benar-benar perlu dan tidak bercanggah atau menjejaskan pentadbiran ataupun priority pihak badan berkanun yang merancangkan penubuhan perbadanan baru di bawah perbadanan yang tertentu itu. Ini meliputi soal satu badan berkanun ataupun pihak perundingan dan pengurusan (consultancy service) yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun itu.

Soal kebakaran ialah satu soal yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil memang boleh dikatakan tiap-tiap tahun malahan bukan soal kebakaran sahaja tetapi soal ribut taufan telah berkali-kali terjadi di kalangan

pekebun-pekebun kecil di mana pokok pekebun kecil telah terlibat dan musnah di dalam kejadian-kejadian itu. Sekiranya didapati bahawa sesuatu kawasan itu perlu dan boleh difikirkan menasabah mendapat bantuan daripada Kerajaan, oleh sebab kebakaran yang terjadi ataupun dilanda oleh ribut atau taufan dan sebagainya maka pihak RISDA memang ada rancangan-rancangan dan sekim yang tertentu untuk membantu mereka yang terlibat.

Akhir sekali saya suka menyebutkan soal yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin yang telah menyatakan soal scholarship and training yang diminta supaya apabila kita ada rancangan hendak memberikan biasiswa, haruslah kita memberitahu dengan seluas-luas di peringkat masyarakat. Dan saya suka menyatakan memanglah menjadi kebiasaan kita mengiklankan pemberian biasiswa yang diberikan oleh badan-badan berkanun di bawah Kementerian saya.

Dan soal yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mantin ini ialah satu soal pokok yang harus dikaji dengan teliti dan kita harus berjaga-jaga iaitu soal yang dibangkitkan ialah ada berkaitan dengan soal memecah-mecahkan tanah yang luas kepada tanah yang lebih-lebih kecil ataupun lebih dikenal di dalam bahasa Inggeris fragmentation of estates.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin sendiri telah menyatakan bagaimana speculator-speculator ini menunggu pemecahan estet-estet itu begitu lama. Jadi speculator itu ialah speculator. Jadi kalau speculator itu selalu suka mengambil kesempatan mendapat untung ada terjadi di kalangan estet-estet di mana mereka sengaja memecah-mecahkan estet itu kepada kawasan-kawasan rendah ataupun bawah daripada 100 ekar untuk mereka mendapat bantuan tanaman semula sebagai pekebun kecil sungguh pun tuan punyanya seorang, tetapi digunakan nama orang-orang lain. Dan cara ini tentulah satu cara yang tidak dapat diterima oleh Kerajaan atau sesiapa pun, oleh sebab cara ini ialah satu cara yang merbahaya, boleh dikatakan. Dan kita takut disalahgunakan oleh kontrektor-kontrektor ataupun speculator-speculator ataupun sesiapa juga yang suka mendapat satu bantuan dengan cara membazir segi Kerajaan. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi seba*agian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN

Bacaan kali yang Kedua dan Ketiga

450 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Perusahaan Awam, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang iaitu Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta MARA 1966, Akta UDA 1971 dan Akta L.P.N. 1971 ada didapati peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa-kuasa kepada Menteri bagi mengawal perbadanan-perbadanan tersebut tetapi peruntukan-peruntukan ini tidaklah begitu jelas dan nyata. Tujuan meminda beberapa peruntukan di dalam Akta-akta tersebut adalah untuk menjelaskan kuasa-kuasa Menteri supaya dapat menyelaraskan perbadanan-perbadanan itu dengan lebih berkesan lagi. Pindaan ini juga akan menyamakan kuasa-kuasa yang melantik ahli-ahli Lembaga Perbadanan-perbadanan tersebut. Dengan pindaan ini Menteri adalah berkuasa melantik semua ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan-perbadanan itu.

Sebelum pindaan ini dibuat ahli-ahli Lembaga Pengarah MARA misalnya dilantik oleh Menteri sementara ada di antara ahli-ahli Lembaga Pengarah UDA dan L.P.N. yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Seksyen 6 (2) Akta MARA, Seksyen 3 (4), Akta Perbadanan-perbadanan Pembangunan Bandar, Seksyen 4 (2) Akta L.P.N.

Seksyen-seksyen di atas adalah dipinda untuk menyatakan dengan lebih jelas dan tegas lagi kuasa-kuasa Menteri. Dengan pindaan ini kelulusan Menteri hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perbadanan-perbadanan ini melaksanakan projek-projek dan rancangan-rancangan di bawah bidang kuasa mereka sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta masing-masing. Pindaan ini akan membolehkan aktiviti-aktiviti Perbadanan-perbadanan Awam ini diselaraskan dengan lebih berkesan lagi.

Seksyen 4 (1) Akta UDA 1971 dan Seksyen 5 (1) Akta L.P.N. 1971.

Pindaan Seksyen-seksyen ini ialah untuk mengatasi masalah di mana beberapa seksyen di dalam Akta-akta perbadanan ini yang membolehkan perlantikan pegawai-pegawai Kerajaan menduduki di dalam Lembaganya terpaksa dipinda apabila perbadanan-perbadanan ini diletakkan di bawah Kementerian yang lain ataupun dengan adanya pertukaran nama Kementerian-kementerian. Dengan pindaan tersebut Lembaga adalah terdiri daripada ahli-ahli seperti Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, dan tidak kurang dari 5 tetapi tidak lebih daripada 9 ahli yang daripadanya tidak kurang daripada 3 orang hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai awam.

Pindaan bagi Seksyen-seksyen 4, (7) Akta UDA 1971 dan Seksyen 5 (2) Akta L.P.N. 1971 adalah bertujuan memasukkan kuasa Menteri bagi melantik ahli-ahli silihganti bagi ahli-ahli Lembaga Perbadanan yang terdiri daripada pegawai-pegawai awam. Pindaan ini adalah untuk menyamakan dengan peruntukan-peruntukan yang terdapat pada Akta MARA yang baharu sahaja dipinda.

Pindaan-pindaan Seksyen 8 (3) dan 24 (4) Akta UDA 1971 dan Seksyen 17 (2) Akta L.P.N. 1971 menyentuh tentang laporan dan penyata badan-badan tersebut yang perlu dibentangkan kepada Majlis Parlimen. Pindaan

ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan supaya semua laporan dan penyata badan-badan ini iaitu MARA, UDA dan L.P.N. dibentangkan di dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Lain-lain pindaan yang didapati di dalam pindaan Rang Undang-undang tersebut adalah kecil dan semata-mata berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua dan diluluskan.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.55 ptg.

Tuan Shazri bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam dan saya percaya Rang Undang-undang ini akan membawa banyak kebaikan kepada negara dan seterusnya kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba bercakap seberapa ringkas yang boleh. Di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini sukaiah saya mengesyorkan beberapa perkara. Yang pertama, lantikan pegawai-pegawai. Kita sebagaimana manusia, Tuan Yang di-Pertua, sifat baharu ada perkara-perkara yang kita tahu dan ada pula perkara yang kita tidak tahu kerana maklumlah manusia. Di samping itu ada pula orang-orang yang tahu dari segi perkara-perkara yang tertentu seperti pakar dalam hal padi atau pertanian dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Padi dan Beras Negara sejak mula ditubuhkan dahulu banyak masalah-masalah rakyat yang mana dikala itu padi murah, dapat dinaikkan harganya kepada satu taraf yang berpatutan. Kemudian timbul pula satu kedudukan beras yang kurang cukup sehingga kedudukan Lembaga Padi dan Beras Negara menjadi satu sasaran yang hebat. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak L.P.N. dapat mententeramkan dan dapat menjalankan kadar kemampuan yang boleh untuk kebaikan negara.

Dalam Rang Undang-undang ini banyaklah jawatankuasa ataupun Lembaga yang berkuasa yang dilantik oleh Menteri. Maka saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan di samping kita melantik pentadbir, kita lantiklah sama wakil-wakil daripada petani-petani sendiri. Bila saya katakan wakil daripada petani tentulah juga menjadi masalah. Dengan sebab itu, saya berharap bagi pihak penanam-penanam padi juga ada kesatuan-kesatuan penanam padi khasnya seperti negeri Kedah satu negeri yang besar, begitu juga di Perlis walaupun kecil tetapi penduduknya boleh dikatakan 80% daripada penanam padi, biarlah pihak L.P.N. sendiri meminta nama-nama itu daripada pihak penanam-penanam padi sendiri yang dengan itu penanam-penanam padi sendiri menubuhkan daya-usaha untuk menubuhkan lembaga penanam padi dan tiap-tiap orang yang menjadi wakil atau pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan ataupun dalam persatuan tersebut orang-orang yang bertanggungjawab betul-betul kepada petani. Maka dengan sebab itu, bolehlah mereka menyuarkan hasrat mereka sendiri melalui salah seorang daripada wakil petani yang saya katakan tadi. Sebagaimana yang saya katakan pada awal-awal tadi tidak ada orang yang lebih tahu melainkan orang yang berkenaan dengan dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan L.P.N. juga, Negeri Perlis dan Kedah ini daripada dahulu sudah menjadi adat kalau Ketua Polis pun, Ketua Polis Kedah/Perlis, Ketua Pegawai Pelajaran pun, Ketua Pegawai Pelajaran Kedah-Perlis. Hanya pada masa ini baru dibuat Ketua Pegawai Pelajaran Kedah asing dan Perlis asing, banyaklah yang sudah diasingkan. Tetapi masih tinggal beberapa perkara lagi belum diasingkan termasuk Ketua Polis Kedah/Perlis, dan Pengurus L.P.N. Kedah/Perlis. Saya sendiri amatlah berasa syukur kepada Tuhan kerana saya bergaul dengan pegawai-pegawai yang berkenaan secara hati ke hati, secara ikhlas antara satu dengan lain, kerana maklumlah saya tahu mereka masing-masing bekerja untuk kebaikan negara dengan penuh tanggungjawab. Saya yakin mereka sendiri tahu yang tanggungjawab itu amatlah teruk sebagaimana di Kedah dan Perlis. Kilang ataupun kompleks padi di Kedah sahaja kalau tidak silap saya tidak kurang daripada belasan bilangannya, angka yang tepat saya tidak ingat dan di Perlis

sudahpun meningkat kepada empat. Jikalau-lah di Kelantan boleh didirikan agak saya tidak lebih ataupun tidak sampai 10 buah boleh diadakan seorang pengurus khas sebagaimana yang ada di Kedah/Perlis, jadi mengapakah di Perlis tidak patut diadakan? Saya fikir negeri Perlis juga patut diadakan seorang Pengurus L.P.N. yang khas, bukanlah saya tidak mahu dicampurkan dengan negeri Kedah sebagaimana saya katakan tadi, tetapi saya yakin Pengurus L.P.N. yang ada itupun merasa sangat teruk dengan tanggungjawabnya. Dari segi gaji biarlah kita mengikut taraf. Kalau negeri kecil, bilangan pekerja di bawahnya sedikit maka tentulah gajinya tidak sama. Setahu saya Pengurus L.P.N. di Kedah gajinya tidak sama dengan Pengurus L.P.N. di Kelantan dan sebagainya, kerana di Kedahlah satu tempat yang banyak sekali dengan padi, tetapi tentang pengurus patut diadakan di negeri Perlis walaupun taraf gajinya tidak sama dengan di Kedah supaya dapat dikontrol dengan banyak lagi. Saya harap di samping embaga ini, saya percaya pihak L.P.N. akan menaikkan harga padi dan pada hari ini pihak ini sedang mencari jalan seribu satu macam walaupun kadang-kadang kena tohmah kerana biasa dibeli di Kedah dengan harga \$30 sepikul tetapi di Perlis mengapa pula dibeli dengan harga \$28 sepikul. Jadi biasa dituduh kepada pegawai L.P.N. itu dan bermacam-macam lagi tetapi setakat yang sebenarnya bila dapat kenyataan mereka faham tentang kedudukan yang sebenarnya dan dikala itulah baru tidak dapat tuduhan. Sebab itu saya katakan tadi patut sangat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan berbagai penyeludupan, saya tengok di masa-masa yang silam banyak tempat-tempat sekatan yang diadakan oleh L.P.N. dengan kerjasama Polis. Pada hari inipun masih ada berlaku lagi penyeludupan di Sanglang, kalau tidak silap saya di Bumbong Lima di sempadan Titi Merdeka dan banyaklah tempat lagi. Di Perlis ada satu tempat yang dahulunya sudah ada dibuat oleh L.P.N., kalau tidak silap saya harga bangunan itu tidak kurang daripada beribu-ribu ringgit. Walaupun tidak sampai berpuluh ribu ringgit tetapi angka itu ribu lebih, tetapi dengan bangunan yang saya tengok itu lebih berbelas ribu ringgit belanja pembinaannya tetapi pada hari ini diberhentikan. Saya berpendapat patutlah diadakan semula sekatan-sekatan itu dan minta kerjasama daripada

Polis, Askar dan sebagainya dan adakah di tempat-tempat lain lagi kerana dengan ini boleh menaikkan harga padi lagi dan boleh kita menahan penyeludupan yang masih berlaku lagi terutama di negeri saya sendiri walaupun Perlis adalah tempat penyeludupan kerana perkara yang benar terpaksa saya katakan. Saya berharaplah kepada pihak L.P.N., tetapi kalau setakat L.P.N. sahaja tidak menggunakan senapang pun tidak memberi kesan juga. Dengan sebab itu saya berharap pihak L.P.N. juga patut diberi kuasa untuk mengambil pegawai-pegawai seperti sekuriti untuk menjalankan kerja-kerja sebagaimana saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan UDA. UDA ini bagus dan banyak bangunan-bangunan di Kuala Lumpur, di bandar-bandar besar dibuat dengan bantuan daripada UDA. Dengan itu saya berharap sangat UDA yang begini baik ini, tolonglah memberi perhatian kepada Negeri-negeri yang kecil, bandar-bandar yang kecil seperti di Bandar Kangar walaupun pada hari ini masih ada yang hendak dibuat tetapi hendaklah dipesatkan lagi. Kadangkadang orang kita ini tidak begitu tahu dengan tempat, dengan sebab itu saya berharap dalam Lembaga UDA yang hendak diselaraskan patutlah diambil pakar-pakar perniagaan, seperti di Malaysia kita pada hari ini ada Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Seluruh Malaysia yang mana pada beberapa malam yang lepas dibuat satu keriaan kepada Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebagai bekas Yang di-Pertua Persatuan Peniaga-peniaga Melayu Malaysia dan juga sebagai Menteri Kewangan dengan genap umurnya 39 tahun. Nampaknya persatuan peniaga ini berjalan dengan pesat, jadi patutlah salah seorang, saya tidak katakan Tengku kerana Tengku sudahpun berhenti, Yang Berhormat Tengku Tan Sri kita sendiri ataupun Yang di-Pertua baru, sesiapa yang dipandang patut diambil orang-orang yang tahu berkenaan dengan perniagaan dan yang mereka ini juga bertanggungjawab kepada rakyat, khasnya kepada bandar-bandar negeri masing-masing kerana mereka ini tidak dilantik menjadi Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa dan sebagainya kalau mereka ini tidak mengambil berat di atas hal peniaga-peniaga yang ada di seluruh tanahair kita. Dengan sebab itu saya berpendapat patutlah diminta nama

daripada jawatankuasa-jawatankuasa yang saya nyatakan tadi untuk menjadi Jawatankuasa Bersama.

Akhirnya saya hendak sentuh berkenaan dengan MARA. MARA ini bagus, Tuan Yang di-Pertua, tetapi banyak hutangnya tidak dibayar oleh peminjam-peminjam kerana kita diberitahu. Pegawai-pegawai MARA inipun saya tidak tahulah di tempat lain, tetapi saya bersyukur kepada negeri saya sendiri orangnya baik-baik dan bekerja sampai pukul 6.00 petang. Ini bukan saya hendak puji

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat bercakap fasal MARA?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila.

Tuan Shaari bin Jusoh: Termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri pun yang menjadi Pengerusi MARA, saya mengakui adalah baik-baik belaka daripada Pengerusinya sampai kepada pekerja di bawahnya setakat yang saya tahu, saya bersyukur kepada Tuhan, tetapi ada dua perkara yang saya berasa dukacita.

Pertamanya, kita sudah memasuki dalam zaman sains. Saya sudah bercakap dalam masa Dewan ini juga tetapi saya bercakap lagi dan muga-muga dapat pertimbangan. Pinjaman yang diberi itu terlampau terhad sedangkan bangunan yang kita hendak buat itu harganya beratus ribu ringgit dalam zaman sains dan teknologi, zaman pembangunan yang peruntukan MARA ini mengikut dasar tidak lebih daripada \$10,000, macammana pinjaman sekalipun peruntukannya ialah \$10,000. Yang Berhormat Menteri mengatakan \$40,000 di dalam Dewan semasa saya bertanya di luar, tetapi diberi \$10,000 juga dan tidak lebih daripada itu. Saya berharap dasar ini patutlah kita ubah. Walaupun ada di antara pegawai MARA yang saya biasa bertanya khabar dengan peruntukan yang sedikit ini macammana kami hendak buat sedangkan orang berhutang berjuta-juta ringgit tidak bayar. Jadi tidak patutlah kerana hamba Allah yang beberapa orang itu tidak bayar hutang walaupun banyak, tetapi hamba Allah yang baru tumpang hendak berniaga ini, seperti kata pepatah: kerana orang lain bawa selut, orang yang tidak bawa selut itupun tumpang

kena. Jadi saya fikir ini tidak adil sangat. Dengan sebab itu saya berharap dasar MARA ini patut diubah sedikit, janganlah kita beri setakat \$10,000. MARA adalah satu-satu tempat pertolongan bagi kaum bumiputra kita pada hari ini dan MARA ini betul-betul menolong. Perkara ini saya tidak nafikan sehingga kadang-kadang hendak tolong kepada orang yang hendak meminjam pun pihak MARA tidak hantar surat ataupun ia berasa serbasalah hendak saman. Ini saya tahu sendiri, kerana saya biasa bergaul dengan pegawai MARA sendiri yang dia sendiri pun hendak saman tidak sampai hati. Tentang hendak menolong bumiputra, saya percayalah MARA sungguh-sungguh hendak menolongnya pada setakat yang boleh. Saya bukanlah hendak puji kepada MARA kerana saya bergaul baik daripada pegawai atasnya sampai ke bawah dari segi cara bekerja dengan sungguh-sungguh, begitu juga dari segi timbangrasa tetapi timbangrasa ini pada pendapat saya setakat dipandang patut, kalau sudah lebih sangat kita tidak boleh bertimbangrasa. Kalau ada setengah orang berhutang sampai bertahun-tahun kita tidak ambil tindakan langsung melibatkan pinjaman orang lain kita tidak beri. Ini pada pendapat saya patutlah kita kaji semula, kerana mengikut orang ini, saya percaya sesiapa pun bila kita tekan ataupun diminta, kadang-kadang bila seseorang ada wang jika tidak ditekan, dia kata nantilah dahulu, sebab MARA bukan bimbang sangat, tetapi bila ditekan juga, dia akan berikhtiar kalau tidak boleh bayar sebanyak-banyaknya pun dia akan cuba bayar setakat mana yang dia boleh mampu. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pegawai-pegawai MARA ini yang saya tahu berlemah lembut sikapnya, bekerja-bekerja juga tetapi dengan kerana simpati dan belas kasihan kepada orang ini, tetapi biarlah ditekan juga walaupun pada akhirnya janganlah dipukul sampai mati tetapi hendaklah tegas. Ini saya berpendapat semuga menjadi faedah. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Boleh jadi Ahli Yang Berhormat minta berjumpa dengan Pengerusi MARA supaya dapat penjelasan yang lebih panjang lagi. Sila teruskan!

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tahu kedudukan yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itu, saya berharap peruntukan yang telah diberikan kepada

peminjam-peminjam patutlah dibuat mengikut peratus. Katakanlah satu-satu projek itu menelan belanja beratus ribu ringgit patutlah diberi kadar 30%. Kalau diberi pada kadar \$10,000 juga sebagaimana yang telah diberi pada masa yang lepas, mengikut zaman kemajuan MARA tidak boleh mencapainya, jikalau MARA setakat cara kampung, cara kedai kecil bolehlah tetapi ini cara besar susahlah sedikit. Dengan sebab itu saya berharap sangat di antara langkahan yang telah dijalankan oleh MARA ini walaupun MARA ini berjalan dengan baik, tetapi patutlah perkara ini dipinda dan saya merayu sekali lagi terutamanya daripada Pengerusi MARA sendiri yang sekarang ini sebagai mempengerusikan mesyuarat untuk mengambil tindakan di atas perkara ini dengan kerjasama daripada Menteri yang berkenaan. Begitu juga kepada orang-orang yang berhutang saya harap pihak MARA ungkit-ungkitlah juga. Kalau mereka tidak boleh bayar 100% pun, saya percaya kalau mereka terima surat seminggu satu, lambat-batang mereka akan berikhtiar juga. Dengan ini saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

5.09 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Isahak (Tasik Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Akta pindaan kepada Badan-badan Berkanun iaitu MARA, UDA dan L.P.N. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan yang membentangkan Akta ini yang sesungguhnya kita harap akan memberikan satu penyelesaian yang baik dan memberikan daya usaha perbadanan ini kepada rakyat pada masa akan datang.

Selaku wakil daripada petani, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyentuh berkenaan dengan L.P.N., terutamanya saya mengucapkan tahniah dan terutang budi petani kepada L.P.N. yang benar-benar telah dapat mengendalikan dan menggembelikan tenaganya dalam mengawal dan memperbaiki kehidupan petani-petani seluruhnya. Sungguhpun begitu ada satu dua perkara kelemahan dan perkara-perkara yang patut ditambah oleh L.P.N. supaya dapat khidmat L.P.N. itu menyeluruh dan berkesan serta memberikan faedah yang bertambah kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, petani bersyukur kerana baru-baru ini L.P.N. telah menaikkan harga padi. Sungguhpun ada kenaikan harga padi tetapi masih ada lagi harapan petani-petani kepada L.P.N. supaya dapat memberikan timbang rasa lagi dan membuat kajian untuk memperbaiki harga padi yang ada pada hari ini. Pada hemat saya L.P.N. ada jalan yang boleh menaikkan harga padi kepada petani-petani. Saya syorkan kepada L.P.N. supaya condition of padi price itu diubah yang pada hari ini dikatakan cost at godowns. Cost at godowns itu, kita pinda perkataannya, iaitu cost at the field. Jadi kalau ini dapat dipinda maka ini boleh memberikan tambahan kepada harga padi. Pada hari ini nampaknya teruk petani membayar transport cost, membayar upah angkat-mengangkat dan lain-lain perbelanjaan untuk menyampaikan padi ke pengkalan (cost at godowns) membeli padi. Kalau dengan perubahan condition memberikan harga padi kepada petani itu dapat diubah, saya rasa ini dapat memberikan kebaikan kepada pendapatan petani-petani.

Perkara yang kedua, saya masih lagi belum puas hati berkenaan dengan kecekapan penilaian grader kepada wap basah yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja yang ditugaskan untuk menentukan wap basah kepada padi petani-petani itu. Saya berharap L.P.N. dapat mengkaji dengan serious membuat satu perubahan yang boleh memberikan puas hati kepada petani-petani tentang cara penentuan wap basah. Maka di antaranya pegawai-pegawai yang ditugaskan itu hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang secukup-cukupnya supaya keadilan itu dapat dijalankan dengan menyenangkan hati petani-petani. Keadaan grader ini ada kaitannya dengan pendapatan petani-petani. Kalau padi yang dibawa pada ketika itu merupakan atau diharapkan akan mendapat gred B tetapi olch kerana kelemahan kepada pegawai ini dan kurang kecekapannya, mungkin padi itu diberi gred C. Ini merugikan pendapatan petani-petani.

Perkara yang ketiga, sukaiah saya menyentuh berkenaan dengan muhibbah L.P.N. dengan petani-petani sendiri. Di tempat saya ada dua kompleks yang baru didirikan dan belum lagi siap—hampir hendak siap. Malangnya telah menimbulkan keluhan-kesah dan kurang muhibbah daripada anak petani yang ada mempunyai kelulusan dan

sebagainya dan yang lain mengharapkan mendapat pekerjaan di kompleks itu maka tidak ada peluang besar bagi mereka untuk mendapatkan kerja-kerja di tempat itu. Di sini sukaiah saya mengesyorkan kepada L.P.N. supaya menentukan satu dasar iaitu di mana sahaja kompleks L.P.N. didirikan hendaklah diutamakan belia-belie daripada anak petani-petani itu sendiri dengan diberikan pekerjaan selayaknya dan tidaklah molek rasanya kalau pekerja-pekerja kasar pun diimpot dari luar dan orang tempatan atau belia tempatan tidak diberi keutamaan dan peluang untuk mendapat pekerjaan itu.

Perkara yang keempat, saya rasa sudah sewajarnya saya mengesyorkan kepada L.P.N. supaya dapat mengadakan biasiswa kepada anak-anak petani yang hendak melanjutkan pelajaran. Sebab, saya rasa perniagaan L.P.N. pun adalah dibantu dan disokong oleh petani-petani sendiri dengan kerjasama penuh yang telah diberikan kepada L.P.N. dan kejayaan L.P.N. adalah dari mereka. Jadi sudah sewajarnya untuk membalas budi mereka dan mengeratkan silaturahmi yang baik dan tanggungjawab untuk memperlayakkan atau memberikan luas pelajaran kepada anak-anak petani, L.P.N. eloklah membuat rancangan mengadakan biasiswa untuk anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan MARA. Saya berharap MARA sebagai satu badan yang memberikan peluang kepada bumiputra hendaknya peranan MARA kepada bumiputra di luar bandar supaya dapat diberi dengan begitu berkesan. Di tempat saya, seorang pegawai MARA bertugas untuk dua daerah. Ini sudah tentu segala kehendak-kehendak orang ramai bila meminta pertolongan dan bantuan kepada MARA tidak akan dapat dengan begitu baik dan begitu cepat, kerana kekurangan kakitangan dan pegawai. Ini sungguh menyedihkan, kerana banyak peniaga-peniaga Melayu terutamanya seperti di tempat saya telah mula berkecimpung dan mahu maju ke hadapan, tetapi malangnya tidak dapat bantuan yang begitu cepat atau yang begitu menyeluruh daripada MARA. Jadi saya harap MARA dapat memperbanyakkan lagi atau menambah pegawai-pegawainya untuk memberikan bantuan kepada rakyat di luar bandar.

Berkenaan dengan UDA pula, saya harap UDA dapat membuat satu dasar dalam segi pembangunan iaitu memberikan peluang khas kepada pemborong bumiputra supaya kerja-kerja yang berharga \$50,000 ke bawah diberikan keutamaan atau diberikan peruntukan khas kepada pemborong-pemborong bumiputra yang mana mereka dapat menumpang dan dapat memperbaiki skillnya dari semasa ke semasa dengan bekerja atau menjadi pemborong di dalam bandar. Ini boleh menarik banyak lagi bumiputra supaya dapat menjalankan perniagaannya atau dapat menguji kebolehan mereka membuat kerja-kerja di dalam bandar dengan bantuan UDA tadi. Dasar ini kalau dapat UDA memberikan pertimbangan, maka adalah harapan bagi bumiputra dapat berkecimpung di dalam bandar ini.

5.20 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Badan-badan Berkanun, 1976 dan di samping itu saya ingin membuat satu komen terhadap Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini pada pendapat saya melibatkan soal pokok yang harus akan menegakkan atau meruntuhkan Badan-badan Berkanun seperti MARA, UDA dan L.P.N., saya suka mengambil peluang mengemukakan pertanyaan iaitu sebelum Rang Undang-undang ini dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan ini adakah fikiran-fikiran, pandangan-pandangan Badan-badan Berkanun yang berkenaan diperolehi terlebih dahulu? Saya mengesyorkan di sini adalah perlu oleh kerana masalah ini ialah masalah pokok yang saya sebut tadi yang menjadi akar tunjang yang menegakkan secara langsung perbadanan tersebut yang terlibat. Tuan Yang di-Pertua, apabila diteliti jelas dan nyata misalnya di dalam bahagian yang melibatkan UDA ialah satu agency Pembangunan Bandar yang mana saya ada mengambil minat sebagai Wakil Bandar Kuala Lumpur.

Mengikut Rang Undang-undang ini kuasa Perbadanan ini akan dipindahkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang tidak dapat tidak akan mengendalikan perjalanan perbadanan ini yang setakat ini telah menunjukkan kejayaan-kejayaan

menuju ke arah matlamat nasional kita di dalam tempoh yang singkat semenjak ianya ditubuhkan di dalam bulan November, 1971. Maka saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersetuju dengan saya bahawa apa yang telah dapat dilaksanakan oleh UDA misalnya, ialah disebabkan kuasa-kuasa yang ada sekarang yang telah diberi kepada Perbadanan ini di bawah Akta yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, kita kerap kali mendengar dari zaman Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dahulu bahawa pejabat-pejabat Kerajaan dan Badan-badan Berkanun hendaklah berjalan dan bertugas dengan tidak menghiraukan apa-apa red tape oleh sebab red tape ialah disifatkannya sebagai petualang-petualang yang menghindarkan pelaksanaan pembangunan dengan licinnya. Maka saya berpendapat dengan melulus dan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini maka red tape mungkin timbul dan mengikut kekuasaan yang baru ini Perbadanan tersebut, misalnya, UDA akan dijadikan satu Jabatan Kerajaan yang lain dan tidak boleh menjalankan tugasnya dengan licin seperti dahulu. Saya percaya di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri ada tidak kurang daripada 10 Badan Berkanun yang tidak kurang mustahaknya dari segi pembangunan nasional di antara satu sama lain dan saya tidak nampak macam mana Yang Berhormat Menteri ini akan dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Akta yang baru ini dengan licin dan saksama kecuali beliau dikehendaki bekerja 28 jam sehari, maka saya percaya ini adalah satu perkara kita tidak patut lakukan.

5.26 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971.

Pertama, saya suka menyentuh tentang UDA. Kita tahu pada hari ini rancangan yang telah dibuat oleh UDA kebanyakannya ditumpukan di kawasan ibu negara iaitu Wilayah Persekutuan, boleh dikatakan hampir 80% projek-projek yang dibuat oleh UDA ini adalah dalam Wilayah Persekutuan sahaja. Jadi projek yang kita lihat itu nampaknya mendapat kejayaan juga.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 2 tahun yang silam pihak UDA sudahpun merancangkan satu projek perumahan dan bandar di Tanjong Tokong Pulau Pinang. Saya masih ingat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sendiri pergi ke kawasan yang dicadangkan hendak dirikan projek UDA, perumahan dan bandar di kawasan Tanjong Tokong itu. Tetapi saya tidak tahu di mana salahnya sampai hari ini projek perumahan untuk orang-orang Melayu di kawasan Tanjong Tokong dan projek bandaran baru di Tanjong Tokong itu sampai hari ini kita tidak dengar apa-apa beritapun mengenai rancangan itu, samada rancangan itu ditangguhkan ataupun tidak dapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri—ini orang ramai tidak tahu, dan orang ramai tertunggutunggu terutama bumiputra di kawasan Tanjong Tokong hendak melihat rancangan itu dijalankan dengan seberapa cepat yang mungkin. Kita tahu negeri Pulau Pinang ini ialah salah sebuah negeri yang sangat disukai oleh para pelancung. Pada tiap-tiap tahun boleh dikatakan ada ratusan ribu pelancung. Saya sendiri tahu di hotel-hotel di negeri Pulau Pinang sudah mendapat booking sehingga tahun 1978. Ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang menjadi tempat tumpuan pelancung. Oleh itu saya berharap jika UDA benar-benar hendak memberi sokongan atau bantuan kepada bumiputra di Pulau Pinang diharaplah dapat menyegerakan projeknya di Tanjong Tokong itu iaitu mendirikan perumahan di samping mendirikan hotel supaya dengan cara itu pihak bumiputra di sana bolehlah mengambil bahagian dalam perniagaan hotel dan lain-lain perniagaan kecil yang boleh kita dapat dari pelancung yang akan datang ke negeri Pulau Pinang itu.

Kedua, saya harap juga pihak UDA akan dapat memberi bantuan atau bekerjasama dengan Kerajaan Negeri apabila Kerajaan Negeri merancang hendak membina bandar-bandar baru. Di Pulau Pinang ada dua buah bandar baru yang sedang dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu Bandar Bayan Baru dan satu lagi ialah Bandar Bagan Serai.

Di sini pihak UDA boleh mengambil bahagian. Dengan adanya pihak UDA mengambil bahagian di kedua-dua bandar baharu ini, maka bolehlah pihak bumiputra mendapat peluang-peluang untuk berniaga di kedua-dua kawasan yang baharu ini.

Satu lagi perkara yang saya suka menarik perhatian pihak UDA ialah mengenai peluang-peluang yang boleh kita dapati daripada jemaah haji. Pada tiap-tiap tahun ber-puluh-puluh ribu jemaah haji dan orang-orang rombongan jemaah haji, keluarga mereka yang menghantar jemaah-jemaah haji ini bertumpu ke negeri Pulau Pinang sebab Pulau Pinang menjadi salah sebuah pelabuhan untuk jemaah haji menaiki kapal menuju ke tanah suci. Jadi keluarga jemaah haji dan jemaah haji juga banyak menginap di hotel-hotel, kadang-kadang lagi 2 minggu kapal haji itu dijadualkan bertolak jemaah haji dan keluarganya sudah sampai mereka menginap di hotel di sana, kadang-kadang sampai 3 minggu. Jadi kiranya pihak UDA boleh bekerjasama dengan pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji dapat merancangkan pembinaan hotel-hotel yang dikhaskan untuk jemaah haji, saya fikir ini adalah satu pelaburan modal yang sangat menguntungkan, sebab tiap-tiap tahun kita tahu ada 5 kali pelayaran jemaah haji ini. 5 kali pelayaran, 5 pergi dan 5 kali balik, dengan ini sahaja saya nampak peluang untuk UDA ini kalau bekerjasama dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji akan tetap mendapat pelanggan-pelanggan daripada jemaah haji dan keluarga yang menghantar mereka.

Sekarang saya menyentuh pula mengenai MARA. Saya tidak hendak bercakap mengenai pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh pihak MARA, apa yang hendak saya cakapkan ialah latihan kemahiran yang diberi oleh MARA. Hari ini saya tahu pihak MARA sudah menubuhkan Pusat-pusat Latihan Kemahiran. Pusat Latihan kemahiran ini melatih anak-anak bumiputra dalam latihan kerja mahir misalnya pertukangan, tukang kayu, tukang simin, tukang besi dan sebagainya. Saya harap pihak Pusat Latihan Kemahiran MARA ini dibesarkan lagi dan diambil lebih banyak lagi anak-anak bumiputra terutama mereka yang tidak lulus L.C.E. dan S.P.M. Sebab dengan adanya latihan-latihan ini untuk menjadi buruh yang mahir, maka kekurangan buruh-buruh mahir yang sekarang dihadapi oleh pihak pemborong-pemborong terutama pihak pemborong-pemborong di negeri Pulau Pinang, pemborong bumiputra sangat susah, sangat sukar untuk mendapatkan buruh-buruh mahir daripada anak-anak bumiputra ini untuk berkerja dengan mereka. Jadi dengan adanya perluasan melatih murid-murid

Iepasan L.C.E. yang tidak lulus S.P.M. maka kita harap masalah kekurangan buruh-buruh mahir yang dihadapi oleh pihak pemborong ini dapat kita atasi dengan secepat mungkin dan selain daripada itu dapat kita kurangkan pengangguran terutama di negeri-negeri sebelah utara.

Selain daripada latihan kemahiran ini, pada hemat saya ada satu perkara lagi yang patut dibuat oleh pihak MARA iaitu melatih gadis-gadis Melayu kita supaya dapat membuat barang-barang untuk cendermata. Hari ini para pelancung kalau mereka ke negeri Pulau Pinang mereka mencari cendermata yang dibuat di negeri ini sendiri. Kalau kita pergi ke kedai-kedai cendermata di negeri Pulau Pinang kebanyakan barang-barang ini bukanlah barang-barang buatan negeri ini bahkan kebanyakannya diimport, terutama daripada negara Thailand. Pihak pelancung berkehendakan barang-barang cendermata yang dibuat di negeri ini sendiri. Banyak bahan-bahan yang kita boleh buat barang cendermata, misalnya daripada lidi kelapa, daripada buluh, daripada pandan dan sebagainya. Pihak MARA patutlah merancang perkara ini supaya dengan cara itu gadis-gadis kita boleh dapat peluang pekerjaan. Selain daripada dapat peluang pekerjaan boleh juga cendermata ini misalnya benda-benda yang dibuat daripada bertam. Hari ini kalau kita pergi di hotel yang besar-besar, ada mereka gunakan bertam yang dibuat untuk menghiasi dinding, bertam yang dijalin, dianyam dibuat untuk menghiasi dinding dan ada juga yang dibuat ceiling. Ini ialah salah satu cara menarik pelancung-pelancung supaya bila pelancung-pelancung itu datang dia nampak perhiasan dalam hotel-hotel itu adalah berlainan iaitu yang menggunakan barang-barang keluaran tempatan sendiri. Jadi dengan cara ini kita dapat menambah pendapatan gadis-gadis kita dan mengurangkan pengangguran.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit sahaja mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) Selama ini kita tahu petani-petani kita hanya bergantung kepada harga padi. Kalau harga padi itu tinggi, maka kehidupan petani itu boleh dikatakan agak lumayan, tetapi kalau harga padi itu turun, maka petani-petani ini tidak ada jalan lain untuk menambah pendapatan mereka. Apa yang saya cadangkan di sini ialah pihak L.P.N. mencari jalan

supaya petani-petani ini melalui persatuan-persatuan peladang mereka dilatih untuk menjadi pemborong-pemborong, pengedar-pengedar beras. Sekarang kita tahu pihak L.P.N. mempunyai kuasa dalam pengedaran beras ini. Maksud saya Persatuan Peladang ini dipilih daripada anak-anak petani yang mempunyai kelulusan melatih mereka menjadi pengedar beras kecil pada mulanya, kemudian bolehlah ditingkat apabila mereka telah menunjukkan kemajuan mereka dalam bidang ini. Ini pada hemat saya adalah salah satu cara untuk meninggikan lagi pendapatan para petani. Saya fikir ini patutlah mendapat perhatian daripada pihak L.P.N.

5.38 ptg.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan sebagai sokongan mereka terhadap Rang Undang-undang yang telah saya kemukakan bagi pihak Menteri Perusahaan Awam tadi.

Bagi mengulas sedikit-sebanyak atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin mengulas dan memberi penjelasan atas teguran yang telah dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar terutama tentang lantikan pegawai-pegawai dalam L.P.N. dan Ahli Yang Berhormat juga telah mengesyorkan supaya petani juga dapat diwakili di dalam Lembaga ini. Dalam hal ini lantikan tersebut sungguhpun tidak secara langsung adalah dibuat di mana ahli-ahli perseorangan yang telah dilantik, yang dipilih telah diberi kepercayaan dalam pilihanraya telah dilantik menduduki dalam lembaga L.P.N. ini ialah seperti wakil-wakil rakyat. Walau bagaimanapun, mereka yang menduduki Lembaga L.P.N. ini juga adalah mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani itu sendiri.

Berkenaan dengan mengadakan pegawai yang berasingan ataupun pengurus yang berasingan untuk negeri Perlis, sememangnya L.P.N. mempunyai suatu rancangan untuk mengadakan seorang pengurus yang berasingan untuk negeri Perlis, tetapi hanya menunggu masa dan keadaan yang membenarkan pihak L.P.N. untuk berbuat demikian.

Mengenai masalah penyeludupan, pihak Kerajaan sememangnya memandang berat tentang masalah penyeludupan, malah Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri juga telah menegaskan betapa beratnya memandang masalah penyeludupan beras yang berlaku di mana pendapatan petani-petani mungkin terancam dengan adanya penyeludupan yang berleluasan. Usaha-usaha seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu di mana dibanyakkan lagi sekatan-sekatan jalanraya, sedang dijalankan secara integrated, secara usaha bersama selain daripada apa yang dilakukan oleh pihak L.P.N. juga dibuat oleh pihak Polis, Kastam dan juga Tentera. Dalam keadaan demikian, pegawai-pegawai L.P.N. juga dibolchkan mengadakan sekatan dan usaha-usaha ini dapat kita pergiatkan lagi selain dari kegiatan yang telah ditambah baru-baru ini dengan adanya bantuan daripada Tentera dan Polis.

Ahli Yang Berhormat telah menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan UDA di mana beliau telah meminta supaya peniaga-peniaga juga diwakili di dalam Lembaga UDA. Mengikut pindaan yang dibentangkan mengenai tambahan bilangan ahli-ahli Lembaga yang dicadangkan dan dengan adanya tambahan ahli-ahli Lembaga ini akan membolehkan ahli-ahlinya ditambah sepertimana yang dikehendaki ataupun yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai pinjaman yang terhad yang hanya \$10,000 daripada MARA sebagaimana yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi, di sini inginlah saya menjelaskan bahawa pinjaman \$10,000 itu hanyalah untuk modal pusingan tetapi pinjaman-pinjaman yang lebih besar lagi adalah juga dibenarkan tetapi untuk maksud-maksud yang lain. Umpamanya pinjaman sebanyak \$40,000 adalah untuk kontraktor dan \$50,000 untuk memulakan sesuatu usaha yang mungkin hendak dijalankan oleh peminjam. Adalah menjadi matlamat MARA bagi membantu peniaga-peniaga kecil dan oleh sebab itu jikalau pihak MARA sehingga hari ini tidak dapat memberi bantuan yang begitu besar sepertimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, ini adalah keutamaan kepada MARA untuk menolong mereka yang hendak memulakan usaha-usaha perniagaan mereka itu sendiri. Bagi pinjaman-pinjaman yang besar, pihak Kerajaan umpamanya telah mengadakan kemudahan-kemudahan melalui C.G.C.

dan juga kita berharap apabila seseorang peniaga bumiputra itu telah mula dapat bertapak melalui pinjaman terus daripada MARA. Ini akan membolehkan mereka ini maju ke hadapan sehingga ke peringkat yang mereka boleh meminjam daripada bank-bank yang boleh mengeluarkan bantuan-bantuan pinjaman-pinjaman yang lebih besar lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah menyentuh soal memperbaiki harga padi oleh sebab kata beliau tadi harga pengeluaran adalah menjadi salah satu sebab mengapa perlunya dinaikkan harga padi ini. Dalam hal ini usaha untuk menentukan keuntungan yang berpatutan ataupun hasil yang berpatutan diperolehi oleh petani kita bukanlah hanya tanggungjawab L.P.N. malah pihak Kerajaan sedang menjalankan satu usaha bersama melalui agensi-agensi yang lain juga bagi menentukan bahawa petani-petani kita mendapat pendapatan yang berpatutan daripada hasil-hasil pengeluaran mereka.

Dalam soal menentukan harga ini pihak L.P.N. terpaksa juga menimbangkan selain daripada harga pengeluaran padi itu juga kemampuan dan harga-harga pasaran mestilah dititikberatkan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidaklah membiarkan keadaan begitu sahaja. Contoh-contoh baru ini umpamanya apabila salah satu daripada kes ataupun harga padi melambong tinggi seperti kekurangan harga baja urea maka pihak Kerajaan telahpun memberi bantuan subsidi terhadap pembelian baja urea. Selain daripada itu usaha agensi-agensi Kerajaan seperti MARDI dan juga Jabatan Pertanian, Persatuan-persatuan Peladang sentiasa mencari jalan untuk meninggikan lagi hasil pengeluaran ataupun jumlah volume hasil pengeluarannya itu supaya ini akan dapat dikecilkan belanja pengeluaran tiap-tiap ekar tanah yang diusahakan oleh petani itu dan ini dengan sendirinya akan dapat mengecilkan harga pengeluaran dan seterusnya akan membolehkan petani-petani kita mendapat pendapatan yang lebih tinggi bagi tiap-tiap satu ekar tanah padi yang ditanam.

Padangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengenai muhibbah dan usaha-usaha untuk memberi keutamaan pekerjaan pada anak-anak petani terutama sekali di komplek-komplek di mana komplek itu didirikan. Ini adalah menjadi dasar L.P.N. diseluruh negara dan jikalau terdapat ada ketikanya di mana anak-anak tempatan

tidak diambil disebaliknya anak-anak atau pun belia-belia di tempat-tempat yang lain pula diambil bekerja di satu tempat mungkin ini akan berlaku jika perkara ini adalah disebabkan oleh keperluan-keperluan yang tertentu. Tetapi walau bagaimanapun, jikalau ada berlakunya pertentangan yang Ahli Yang Berhormat anggap tidak patut dilakukan, perkara ini dapat kita sama-sama tinjau nanti.

Mengenai harapan bagi L.P.N. mengadakan biasiswa untuk anak-anak petani, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa L.P.N. telah ditubuhkan khususnya untuk mengawal pengeluaran dan menjaga serta menjamin harga padi. Sekarang ini kita dapati banyak agensi-agensi dan badan-badan Kerajaan yang telahpun mengadakan kemudahan-kemudahan dan peluang untuk memberi biasiswa. Walau bagaimanapun biasiswa anak-anak petani untuk meneruskan pelajaran masa hadapan mereka untuk bekerja dengan pihak L.P.N., perkara-perkara ini boleh dikaji oleh pihak L.P.N. Tetapi untuk maksud-maksud biasiswa bagi perkara-perkara yang lain inilah perkara yang telah disebutkan tadi dalam masa membentangkan Rang Undang-undang ini, saya bagi pihak Menteri yang berkenaan mengharapkan dengan adanya penyelarasan kita akan dapat mengelakkan duplikasi ataupun lapisan kerja di antara satu agensi dan agensi yang lain.

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat terhadap kecekapan "Grader" itu, pihak L.P.N. sentiasa mengadakan latihan kepada pegawai-pegawainya. Dan mungkin daripada masa ke semasa juga ada berlaku kesilapan yang tidak boleh dinafikan tetapi walau bagaimanapun pihak L.P.N. akan terus mengawasi pegawainya benar-benar menjalankan tugas sepertimana yang diharap dan dipertanggungjawabkan kepada mereka itu.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang yang menyentuh masalah kekurangan pegawai di dalam MARA. Ini sememangnya diakui tetapi di dalam usaha kita untuk menambah pegawai-pegawai, beberapa faktor terpaksa ditimbangkan dan keutamaan diberikan kepada kawasan yang lebih memerlukan penambahan pegawai-pegawai itu dan kita berharap ketikanya akan sampai di mana bilangan pegawai MARA yang cukup dapat kita sediakan.

Ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh tentang pemberian peluang khas kepada bumiputra ataupun pemborong bumiputra oleh UDA untuk mendapatkan konterek-konterek yang berharga \$50,000 ke bawah. Saya difahamkan ini telahpun dilaksanakan sebagai satu dasar oleh pihak UDA.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyoal tentang samada pandang-pandangan daripada badan-badan berkanun berkenaan telahpun dijemput ataupun belum. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menimbangkan masalah-masalah ini dengan begitu berat dan Kerajaan telah mendengar dengan telinga yang terbuka dan hati yang terbuka saranan dan juga rayuan-rayuan perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga oleh penduduk-penduduk di sekitar negara kita, di mana mereka telah mengur tentang penyelarasan yang perlu dibuat di kalangan badan berkanun yang terdapat di dalam Kerajaan kita sekarang. Atas kesedaran di mana perlunya diadakan penyelarasan dan juga perlunya dijauhkan sebarang lapisan tugas di antara suatu badan berkanun dengan badan berkanun yang lain, maka Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dan telah membawa kepada Kementerian ini mengambil keputusan supaya pindaan-pindaan ke atas ketiga-tiga badan berkanun itu perlu dibuat. Kita akui bahawa sehingga ini UDA umpamanya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah berjalan dengan bebas, tetapi sebaliknya dengan adanya pindaan kepada Akta UDA itu tidaklah bermakna kebebasan UDA itu akan terkongkong ataupun akan dikongkong. Sebaliknya, melalui penyelarasan yang akan dapat mewujudkan dari segi usaha keseluruhannya bagi pihak Kerajaan untuk menjayakan ataupun melaksanakan rancangan-rancangan kita, kita berharap akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi.

Ahli Yang Berhormat daripada Balik Pulau telah menyentuh tentang latihan kemahiran yang boleh diberikan oleh pihak MARA kepada belia dan beliawanis kita bagi menampung kekurangan tenaga mahir yang terdapat sekarang ini. Pandangan Ahli Yang Berhormat itu saya mengucapkan terima kasih dan saya percaya Pengerusi dan Ahli Majlis MARA juga akan sama-sama

memerhati perkara ini, kerana sememanglah menjadi matlamat MARA untuk melahirkan suatu golongan jenerasi belia dan beliawanis kita yang mempunyai senjata melalui kemahiran. Mungkin kejayaan ataupun pelaksanaan sehingga ini masih lagi belum dapat memenuhi kehendak-kehendak perusahaan kemahiran tetapi ini akan kita harap dapat diperbaiki dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Begitu juga tentang melatih gadis-gadis ataupun beliawanis kita dalam perusahaan untuk membuat cendermata tempatan yang boleh menjadi suatu keistimewaan kepada negara kita ini. Setakat ini didapati ada enam buah sekolah latihan kemahiran yang sedang menjalankan usaha untuk melatih belia dan beliawanis kita, dan dua buah lagi sedang pun dibina oleh pihak MARA untuk menambah bilangan enam yang terdapat sekarang ini.

Tentang pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan potensi Pulau Pinang sebagai suatu pusat pelancungan ini adalah satu perkara yang tidak kita nafikan dan tentang projek Tanjong Tokong yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini masih lagi dalam penelitian pihak UDA.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat telah mengesyorkan supaya L.P.N. melatih petani-petani menjadi pengedar beras dan sebagai permulaan. Usaha-usaha untuk mencapai matlamat bagi meninggikan lagi pendapatan petani-petani kita memanglah dijalankan, tetapi khususnya dalam bidang-bidang tertentu seperti pengedaran beras dan sebagainya bolehlah ditimbang oleh badan-badan yang berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum di kawasan MADA, umpamanya, terdapat sekolah di mana pihak MARA melalui Persatuan Peladang mereka menggalakkan petani-petani mempunyai trektor masing-masing dan juga mengadakan pemberian dan penjualan basikal bagi petani-petani dan sebagainya. Saya percaya perkara seperti itu akan dapat dipertimbangkan di mana selain daripada perkara disebutkan tadi, usaha pengedaran beras dan juga perkara-perkara runcit yang lain dapat dilaksanakan di dalam kawasan penanam padi

umpamanya, dan usaha seperti tidak semestinya dijalankan hanya oleh pihak L.P.N.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak ulasan saya atas pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jikalau terdapat mana-mana perkara yang telah ketinggalan bagi saya menjawabnya tadi, ataupun mengulasnya tadi, perkara-perkara ini telahpun dimasukkan di dalam catitan pihak-pihak yang berkenaan samada UDA, L.P.N., ataupun MARA dan akan kita timbangkan bagi tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga suatu masa yang tidak ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.04 petang.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Pembinaan Pejabat Pos

1. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan membina Pejabat Pos yang baru bagi daerah Batu Pahat;
- (b) berapa besar peruntukan bagi binaan yang tersebut;
- (c) setahu saya rancangan membina bangunan Pejabat Pos baru bagi daerah Batu Pahat telah lama dirancang dan oleh yang demikian apakah sebab-sebabnya rancangan yang tersebut lambat dilaksanakan; dan
- (d) adakah urusan mendapatkan tapak bangunan itu telah diselesaikan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Ada terdapat beberapa tempat di dalam negara di mana mempunyai pejabat pos-pejabat pos lama. Batu Pahat adalah satu daripadanya. Pejabat Pos-pejabat pos lama ini sedang digantikan beransur-ansur berasaskan di atas keutamaan tiap-tiap satu kes dan apabila peruntukan terdapat.

Pejabat Pos gantian bagi Batu Pahat telah dicadang untuk diusahakan bersama dengan pihak UDA, tetapi sekarang UDA telah menyatakan bahawa pihaknya tidak dapat meneruskan usaha bersama ini.

Kementerian saya terpaksa menanggung projek ini dengan sendirinya. Ia akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga jika peruntukan untuknya diberi. Jika peruntukan tiada diberikan Pejabat Pos yang ada sekarang akan diubahsuaikan untuk memenuhi keperluan-keperluan sekarang.

Barang-barang Larangan

2. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) apakah jenis barang-barang yang dianggap oleh Pihak Berkuasa Pos

sebagai "Barang-barang Larangan"; dan

- (b) samada beliau sedar beberapa kejadian telah berlaku di Sabah di mana bungkusan-bungkusan yang tidak mengandungi sebarang barang larangan telah dikembalikan kepada penghantar tanpa sebab yang munasabah, hingga mendatangkan malu kepada penghantar dan penerima. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap amalan seperti ini di masa hadapan.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Senarai barang-barang yang dilarang dikirimkan melalui pos ada dibentangkan dengan panjang lebarnya di mukasurat 63 hingga 67 buku Panduan Pejabat Pos Edisi 1975 yang sedang dijual di semua pejabat pos-pejabat pos.
- (b) Semua bungkusan-bungkusan yang dikembalikan oleh pejabat pos kepada pengirimnya di dalam Malaysia ataupun luar negeri adalah dilakukan atas sebab-sebab yang wajar. Sekiranya butir-butir berkaitan dengan bungkusan tersebut dapat dikemukakan, Pihak Perkhidmatan Pos akan menjalankan satu penyiasatan yang sepenuhnya dan memberikan kepada Yang Berhormat sebab-sebab bungkusan-bungkusan itu dikembalikan kepada pengirimnya dalam tiap-tiap kejadian itu. Kemungkinan juga terdapat kejadian di mana bungkusan-bungkusan itu dikembalikan sebelum ianya sampai ke negara kita.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Pembekalan Makanan

3. Tuan R. Rajasingam minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar akan perbuatan curang dalam pembekalan makanan di Hospital Besar di Pulau Pinang. Pembekal yang sepatutnya membekalkan

daging kambing yang baru telah membekalkan daging kambing yang sejuk dengan harga \$4.80 satu paun sungguhpun ianya boleh didapati dengan harga \$2.00 satu paun di pasar. Jika ya, bolehkah Menteri itu melantik wakil-wakil dari Jabatan Oditi dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menjadi ahli-ahli Lembaga Tender untuk masa hadapan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Kementerian ini sedar akan kejadian yang berlaku di Hospital Besar, Pulau Pinang bersabit dengan bekalan daging kambing. Keadaan itu telah diperbaiki mulai September 1975 yang lalu dan kontraktor telah membekalkan daging seperti yang dikontrolkan.

Pembinaan Hospital

4. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah rancangan membina sebuah hospital yang baru bagi daerah Batu Pahat akan dilaksanakan;
- (b) berapakah jumlah peruntukan bagi membina hospital yang tersebut; dan
- (c) adakah urusan mendapatkan tapak bagi hospital yang tersebut telah diselesaikan.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Cadangan untuk pembinaan sebuah Hospital Daerah yang baru di Batu Pahat akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.
- (b) Jumlah peruntukan bagi pembinaan hospital ini bergantung kepada perancangan dan rekabentuk hospital tersebut.
- (c) Tapak bagi Hospital ini adalah dalam proses urusan pengambilan oleh pihak Kementerian ini.

Saya ingin memberitahu Dewan bahawa Kementerian saya memberi keutamaan yang amat tinggi kepada daerah-daerah di mana masih belum ada hospital pada masa ini. Daerah Batu Pahat pada masa ini mempunyai sebuah hospital yang masih boleh

memberi perkhidmatan perubatan yang diperlukan oleh orang ramai buat sementara waktu.

5. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kesihatan menyatakan samada benar Kementerian beliau ingin memindahkan tapak hospital baru di Telok Anson, jika ya, nyatakan:

- (a) setakat mana urusan ini telah dicapai; dan
- (b) bilakah hospital tersebut akan dibina.

Tan Sri Lee Siok Yew: Adalah benar bahawa Kementerian saya bercadang untuk memindahkan tapak hospital Telok Anson ke Jalan Changkat Jong, Perak. Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mendapatkan sebidang tanah yang sesuai. Setelah urusan pengambilan tanah tersebut selesai kelak, rancangan pembinaan untuk Hospital Baru Telok Anson akan dimulakan.

Kakitangan Jabatan Pencegah Malaria

6. Tuan Stephen Robert Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (a) sebilangan kakitangan Jabatan Pencegah Malaria di Sabah, terutama mereka yang ditempatkan di Residensi Pendalaman belum lagi dibayar elaun perjalanan, perkhemahan dan harian mereka sejak bulan Ogos 1975; dan
- (b) tidak ada apa tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan di Kota Kinabalu, Sabah sejak lima tahun yang lalu untuk menaikkan pangkat mereka yang telah lama lulus Peperiksaan Pejabat; dan
- (c) samada beliau akan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan yang perlu.

Tan Sri Lee Siok Yew:

- (a) Adalah benar bahawa kakitangan-kakitangan perkhidmatan anti-malaria di dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik yang bekerja di Sabah (termasuk mereka yang ditempatkan di Residensi Pendalaman) belum lagi menerima elaun perjalanan, elaun perkhemahan dan elaun harian sejak bulan Ogos 1975.

Ini adalah disebabkan oleh satu surat pekeliling (Bil. 20/1975) yang telah dikeluarkan oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Ketua Menteri Sabah, dalam mana arahan telah diberi supaya elaun perkhidmatan hendaklah dihenti dan digantikan dengan elaun lodging. Satu lagi surat pekeliling Bil. 32/1975 yang telah dikeluarkan pada 9-12-75 untuk mengubah surat pekeliling yang asal tadi memberi arahan bahawa pegawai-pegawai yang terlibat di dalam surat pekeliling pertama itu ialah pegawai-pegawai selain daripada pegawai-pegawai di dalam Kumpulan Rendah/Perusahaan dan Buruh Kasar. Oleh kerana kedua-dua pekeliling ini telah dikeluarkan tanpa persetujuan Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah maka Jabatan Perubatan telah merujuk surat-surat pekeliling itu kepadanya untuk mendapatkan keterangan dan arahan. Sementara menunggu arahan dan keterangan tersebut pegawai-pegawai yang terlibat telah tidak dibayar elaun-elaun perjalanan, perkhidmatan dan harian.

Kini Pegawai Perjawatan Persekutuan Sabah telahpun memberi arahan bahawa oleh kerana surat-surat pekeliling tersebut telah dikeluarkan tanpa persetujuannya, maka pegawai-pegawai yang bekerja di Jabatan Persekutuan Sabah tidaklah terlibat. Sekarang, tindakan sedang diambil untuk membayar elaun-elaun seperti biasa kepada pegawai-pegawai yang terlibat itu.

- (b) Kenaikan pangkat bagi semua kakitangan adalah berdasarkan kepada kekosongan yang ada dan Lembaga Kenaikan Pangkat, Jabatan Perubatan Sabah telahpun dan senantiasa membuat pertimbangan dan perakuan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Sabah bagi kakitangan-kakitangan yang patut dinaikkan pangkat. Dalam masa lima tahun yang lepas, 68 orang kakitangan di dalam Kumpulan Perkeranian dan Teknik telahpun dinaikkan pangkat. Seramai 37 orang lagi telah diluluskan supaya memegang jawatan yang lebih tinggi dan seramai 9 orang lagi telah diperakukan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dinaikkan pangkat. Daripada jumlah 37 orang

yang telah diluluskan untuk memegang jawatan yang lebih tinggi, 16 orang adalah staff nurses/senior staff nurses yang di dalam perkhidmatan sementara dari sebulan ke sebulan. Mereka ini dianggap sementara oleh kerana mereka telah berkahwin.

- (c) Jabatan Perubatan Sabah senantiasa mengambil tindakan untuk mengisikan apa-apa kekosongan yang ada, samada melalui kenaikan pangkat ataupun lantikan terus menerusi untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Biasiswa-biasiswa

7. Tuan Chiam Hong Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa jenis biasiswa-biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negara Asing sejak 31-8-1957 hingga sekarang dengan memberi nama mereka yang berjaya mendapatkan biasiswa-biasiswa tersebut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah telah meminta angka-angka dan butir-butir mengenai semua pelajar-pelajar Malaysia yang telah menerima biasiswa-biasiswa semenjak 31-8-1957 hingga sekarang, tetapi saya dukacita tidak dapat menunaikan permintaan Ahli Yang Berhormat itu kerana Kementerian Pelajaran tidak menyimpan maklumat yang dikehendaki ini semenjak tarikh kemerdekaan Malaysia. Biasiswa-biasiswa Kerajaan Malaysia adalah dihadiahkan oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Perkhidmatan Awam, dan yang lain-lainnya adalah dihadiahkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, badan-badan swasta, yaysan-yayasan dan persatuan-persatuan dan biasiswa-biasiswa itu pula merupakan berbagai-bagai jenis untuk pelajaran dalam dan luar negeri. Kementerian Pelajaran umpamanya mengeluarkan biasiswa dari sekolah menengah hingga ke peringkat ijazah lanjutan seperti yang tersebut di bawah ini:

Biasiswa Kecil Persekutuan.

Biasiswa Tingkatan Enam.

Biasiswa Membina Semangat.

Biasiswa Diploma Sains, Kejuruteraan dan Pertanian.

Biasiswa/Dermasiswa Perguruan Persekutuan (untuk Ijazah Pertama dan Lanjutan, dalam dan luar negeri bagi berbagai kursus dan disiplin.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga bertanya tentang biasiswa-biasiswa Kerajaan-kerajaan negara asing. Dalam perkara ini saya percaya maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah tentang tawaran-tawaran biasiswa Kerajaan negara asing yang diperbuat kepada warganegara Malaysia seperti biasiswa Kebudayaan, Biasiswa di bawah Rancangan Colombo, Rancangan Komonwel, British Council, AMEC, MACEE (Fulbright), Asia Foundation, Ford Foundation, Biasiswa Japan Airlines dan lain-lain lagi.

Semua rekod-rekod tentang hadiah-hadiah ini yang mengandungi nama, jenis biasiswa dan kursus-kursus yang diikuti oleh pelajar-pelajar yang diberikan biasiswa ini dan lain-lain maklumat adalah disimpan oleh badan yang menghadihkan biasiswa itu dan selama ini malangnya tidak ada sesuatu agensi yang mengumpul dan menyimpan semua statistik dan rekod ini semenjak Hari Merdeka. Sungguhpun demikian Kementerian Pelajaran telah bermula berbuat demikian dalam tahun 1974; tetapi kerja mengumpul statistik ini memakan masa yang lama kerana tiap-tiap badan penghadih biasiswa terpaksa semua fail-fail individu pelajar-pelajarnya dan hingga sekarang ini maklumat yang dipinta ini belumlah lengkap lagi. Walau bagaimanapun setakat ini saya hanya dapat memberi angka-angka anggaran bilangan semua pelajar-pelajar Malaysia yang berada di luar negeri seperti yang terdapat dalam Lampiran "A". Angka-angka ini meliputi pelajar-pelajar yang menerima biasiswa dan pelajar-pelajar persendirian.

Dengan penjelasan ini adalah jelas betapa pentingnya pendaftaran pelajar diadakan. Jika Ahli Yang Berhormat mahu butir-butir seperti itu, saya percaya dia akan sokong usaha Kementerian Pelajaran untuk mendaftar pelajar baru dan pelajar lama yang berada di dalam dan di luar negeri.

LAMPIRAN "A"

BILANGAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI 1976

(Anggaran)

(1) Amerika Syarikat	...	...	2,600
(2) Australia	...	...	6,500
(3) United Kingdom	...	...	10,000
(4) India	...	...	4,200
(5) Indonesia	...	...	850
(6) Jerman Barat	...	...	100
(7) New Zealand	...	...	2,400
(8) Kanada	...	...	500
(9) Jepun	...	...	350
(10) Pakistan	...	...	300
(11) Saudi Arabia	...	...	200
(12) Republik Arab Mesir	...	...	800
(13) Holland	...	...	200
(14) Hong Kong	...	...	400
(15) Taiwan	...	...	2,000
(16) Lain-lain negara (Bangladesh, Perancis, Sri Lanka, Iraq, Magribi, Denmark, Filipina)	...	...	600
			32,000

Peperiksaan Penilaian Darjah Lima

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran memberi jumlah bilangan murid-murid dari Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dalam tahun 1975 dengan memberikan kadar kegagalan bagi setiap matapelajaran dalam setiap jenis sekolah itu di setiap Negeri di Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir bin Mohamad: Bilangan murid-murid dari Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang mengambil Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dalam tahun 1975 serta bilangan yang gagal bagi tiap-tiap matapelajaran di tiap-tiap jenis sekolah dan negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti yang diberikan dalam lampiran.

**ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V—1975
(PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)**

BU.	Negeri	BAHASA MALAYSIA		BAHASA INGGERIS II		ILMU HIBAS		SAJIS AWALAN		TAWARIKH DAN ILMU HIBAS	
		Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal
1.	Selangor	11,000	2,053 (18.7%)	10,988	6,164 (56.1%)	11,001	5,091 (46.3%)	10,988	3,022 (32.1%)	11,002	3,077 (28.0%)
2.	Negeri Sembilan	5,613	969 (17.3%)	5,620	2,982 (53.1%)	5,614	2,451 (43.7%)	5,620	1,676 (29.8%)	5,616	1,620 (28.8%)
3.	Melaka	5,204	979 (18.8%)	5,205	2,847 (54.7%)	5,204	2,282 (43.9%)	5,205	1,711 (32.9%)	5,204	1,395 (26.8%)
4.	Johor	18,139	3,937 (21.7%)	18,140	11,153 (61.5%)	18,135	8,625 (47.6%)	18,137	6,550 (36.1%)	18,134	5,996 (33.1%)
5.	Pahang	8,142	1,865 (22.9%)	8,133	4,989 (61.3%)	8,143	4,255 (52.3%)	8,135	2,878 (35.4%)	8,142	2,786 (34.2%)
6.	Tringganu	10,679	2,869 (26.9%)	10,652	6,952 (65.3%)	10,677	5,484 (51.4%)	10,665	4,369 (41.0%)	10,677	4,013 (37.6%)
7.	Kelantan	15,044	4,543 (30.2%)	15,041	10,025 (66.7%)	15,041	8,359 (55.6%)	15,038	6,386 (42.5%)	15,043	6,272 (41.7%)
8.	Perlis	2,111	427 (20.2%)	2,107	1,206 (57.2%)	2,111	984 (46.6%)	2,107	746 (35.4%)	2,111	686 (32.5%)
9.	Kedah	15,542	3,757 (24.2%)	15,484	9,620 (62.1%)	15,543	7,837 (50.4%)	15,488	6,421 (41.5%)	15,542	5,665 (36.5%)
10.	Pulau Pinang	4,843	1,049 (21.7%)	4,846	2,114 (43.6%)	4,843	2,059 (42.5%)	4,845	1,793 (37.0%)	4,842	1,470 (30.4%)
11.	Perak	15,379	3,412 (22.2%)	15,353	8,000 (52.1%)	15,380	6,649 (43.2%)	15,357	5,559 (36.2%)	15,380	4,752 (30.9%)
	1975 JUMLAH ..	111,696	25,860 (23.2%)	111,569	66,052 (59.2%)	111,692	54,076 (48.4%)	111,585	41,611 (37.3%)	111,693	37,732 (33.8%)

**ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V—1975
(PERANTARAAN BAHASA INGGERIS)**

Bil	Negeri	BAHASA MALAYSIA		BAHASA INGGERIS II		ILMU HISAB		SAINS AWALAN		TAWARIKH DAN ILMU HIBAB	
		Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal
1.	Selangor	16,075	2,726 (17.0%)	16,079	6,309 (39.2%)	16,078	5,095 (31.7%)	16,082	5,023 (31.2%)	16,073	3,828 (23.8%)
2.	Negeri Sembilan	3,016	405 (13.4%)	3,023	1,326 (43.9%)	3,018	877 (29.1%)	3,023	764 (25.3%)	3,018	577 (19.1%)
3.	Melaka	2,608	236 (9.1%)	2,608	997 (38.2%)	2,608	460 (17.6%)	2,608	437 (16.8%)	2,608	320 (12.3%)
4.	Johor	6,483	618 (9.5%)	6,486	3,010 (46.4%)	6,484	1,753 (27.0%)	6,486	1,388 (21.4%)	6,484	1,019 (15.7%)
5.	Pahang	2,713	326 (12.0%)	2,716	1,299 (47.8%)	2,713	804 (29.6%)	2,716	616 (22.7%)	2,713	502 (18.5%)
6.	Trengganu	1,027	58 (5.6%)	1,020	543 (53.2%)	1,027	172 (16.7%)	1,026	107 (10.4%)	1,027	77 (7.5%)
7.	Kelantan	2,880	218 (7.6%)	2,883	1,691 (58.7%)	2,880	735 (25.5%)	2,883	423 (14.7%)	2,880	355 (12.3%)
8.	Perlis	524	42 (8.0%)	524	313 (59.7%)	524	127 (24.2%)	524	90 (17.2%)	524	63 (12.0%)
9.	Kedah	3,445	365 (10.6%)	3,440	1,807 (52.5%)	3,445	1,052 (30.5%)	3,440	780 (22.7%)	3,445	630 (18.3%)
10.	Pulau Pinang	5,796	1,056 (18.2%)	5,797	2,301 (39.7%)	5,796	1,890 (32.6%)	5,797	1,996 (34.4%)	5,796	1,479 (25.5%)
11.	Perak	9,081	1,665 (18.3%)	9,090	3,866 (42.5%)	9,081	3,085 (34.0%)	9,089	2,979 (32.8%)	9,082	2,379 (26.2%)
1975 JUMLAH		53,648	7,715 (14.4%)	53,666	23,462 (43.7%)	53,654	16,050 (29.9%)	53,674	14,603 (27.2%)	53,650	11,229 (20.9%)

16 APRIL 1976

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V—1975
(PERANTARAAN BAHASA CHINA)

Bil.	Negeri	BAHASA MALAYIA		BAHASA INGGERIS I		BAHASA CHINA		ILMU HISAB		SAINS AWALAN		TAWARIKH/ILMU ALAM	
		Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal
1.	Selangor	15,624	13,595 (87.0%)	15,621	9,909 (63.4%)	15,620	6,000 (38.4%)	15,629	5,481 (35.1%)	15,621	5,639 (36.2%)	15,629	6,109 (29.1%)
2.	Negeri Sembilan ..	4,888	3,970 (81.2%)	4,888	2,588 (52.9%)	4,887	1,550 (31.7%)	4,886	1,396 (28.6%)	4,887	1,402 (28.7%)	4,886	1,588 (32.5%)
3.	Melaka	3,823	2,410 (63.0%)	3,821	1,510 (39.5%)	3,819	803 (21.0%)	3,823	766 (20.0%)	3,820	817 (21.4%)	3,823	829 (21.7%)
4.	Johor	14,420	12,350 (85.7%)	14,426	8,593 (59.6%)	14,425	4,495 (31.2%)	14,422	4,435 (30.8%)	14,426	4,354 (30.2%)	14,421	4,729 (32.8%)
5.	Pahang	4,473	3,344 (79.2%)	4,484	2,452 (54.7%)	4,483	1,852 (41.3%)	4,472	1,711 (38.3%)	4,484	1,707 (38.1%)	4,472	1,748 (39.1%)
6.	Trengganu	501	298 (59.5%)	501	247 (49.3%)	501	175 (34.9%)	501	144 (28.7%)	501	148 (29.5%)	501	183 (36.5%)
7.	Kelantan	743	397 (53.4%)	741	391 (43.1%)	741	300 (40.5%)	743	266 (35.8%)	741	270 (36.4%)	743	308 (41.5%)
8.	Perlis	562	378 (67.3%)	560	302 (53.9%)	560	197 (35.2%)	562	155 (27.6%)	560	161 (28.8%)	562	188 (33.5%)
9.	Kedah	4,810	3,030 (63.0%)	4,807	1,970 (41.0%)	4,808	1,473 (30.6%)	4,810	1,016 (21.1%)	4,808	1,285 (26.7%)	4,810	1,356 (28.2%)
10.	Pulau Pinang	9,325	7,242 (77.7%)	9,326	4,907 (52.6%)	9,326	3,390 (36.4%)	9,325	2,585 (27.7%)	9,326	3,090 (33.1%)	9,324	3,498 (37.5%)
11.	Perak	16,638	14,450 (86.9%)	16,623	10,586 (63.7%)	16,618	7,568 (45.5%)	16,637	6,831 (41.1%)	16,620	6,923 (41.7%)	16,637	7,173 (43.1%)
1975 JUMLAH ..		75,807	61,664 (81.3%)	75,798	43,383 (57.2%)	75,788	27,803 (36.7%)	75,810	24,786 (32.7%)	75,794	25,816 (34.1%)	75,808	27,709 (36.6%)

ANALISA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH V—1975
(PERANTARAAN BAHASA TAMIL)

Bil.	Negeri	BAHASA MALAYSIA		BAHASA INGGERIS I		BAHASA TAMIL		ILMU HISAB		SAINS AWALAN		TAWARIKH/ILMU ALAM	
		Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal	Bil. Menduduki	Bil. Gagal
1.	Selangor	3,646	3,219 (88.3%)	3,651	2,492 (68.3%)	3,651	1,494 (40.9%)	3,648	2,290 (62.8%)	3,651	2,325 (63.7%)	3,656	2,288 (62.8%)
2.	Negeri Sembilan ..	1,152	949 (82.4%)	1,150	617 (53.7%)	1,150	364 (31.7%)	1,152	607 (52.7%)	1,150	582 (50.6%)	1,152	591 (51.3%)
3.	Melaka	381	309 (81.1%)	381	230 (60.4%)	381	122 (32.0%)	381	216 (56.7%)	381	185 (48.6%)	381	195 (51.2%)
4.	Johor	1,281	990 (77.3%)	1,282	733 (57.2%)	1,282	461 (36.0%)	1,281	669 (52.2%)	1,281	682 (53.2%)	1,281	677 (52.9%)
5.	Pahang	547	336 (61.4%)	546	198 (36.3%)	546	134 (24.5%)	547	209 (38.2%)	546	223 (40.8%)	546	215 (39.4%)
6.	Trengganu	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
7.	Kelantan	8	7 (87.5%)	8	8 (100.0%)	8	6 (75.0%)	8	6 (75.0%)	8	7 (87.5%)	8	6 (75.0%)
8.	Perlis	10	6 (60.0%)	10	0 (0.0%)	10	3 (30.0%)	10	1 (10.0%)	10	0 (0.0%)	10	3 (30.0%)
9.	Kedah	1,268	947 (74.7%)	1,266	666 (52.6%)	1,262	472 (33.4%)	1,264	634 (50.2%)	1,262	676 (53.6%)	1,264	642 (50.8%)
10.	Pulau Pinang ..	690	521 (75.5%)	692	389 (56.2%)	692	278 (40.2%)	690	377 (54.6%)	692	391 (56.5%)	690	383 (55.5%)
11.	Perak	2,921	2,516 (86.1%)	2,914	1,787 (61.3%)	2,915	1,139 (39.1%)	2,923	1,749 (59.8%)	2,915	1,711 (58.7%)	2,923	1,756 (60.1%)
	1975 JUMLAH ..	11,904	9,800 (82.3%)	11,900	7,120 (59.8%)	11,897	4,423 (37.2%)	11,904	6,758 (56.8%)	11,896	6,782 (57.0%)	11,901	6,756 (56.8%)

16 APRIL 1976

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Hubungan Diplomatik

9. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan negara-negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara kita.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen): Malaysia mengiktirafi dan mempunyai hubungan diplomatik dengan semua negara melainkan Israel dan Afrika Selatan.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Kesesakan Lalulintas

10. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa memandangkan kesesakan yang begitu mendadak di jalan-jalanraya dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur adakab Kerajaan bercadang untuk menjalankan satu-satu langkah jangka pendek bagi mengatasi kesulitan-kesulitan kesesakan jalanraya sementara menunggu langkah-langkah jangka panjang dapat dijalankan dengan tujuan bukan sahaja untuk kemudaban lalulintas tetapi juga untuk meninggikan imej pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur yang sedang membangun dengan pesatnya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Bagi mengatasi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur Kerajaan telahpun melantik satu firma perunding luar negeri bagi mengkaji secara mendalam ke atas pelaksanaan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Kajian Lalulintas untuk Bandaraya Kuala Lumpur. Syor-syor ini, setelah disemak semula oleh satu Jawatankuasa Petugas terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut jadual-jadual yang telah dirancang. Yakni tindakan-tindakannya hendaklah diselaraskan dengan rancangan memperbaiki jalan dan lalulintas seluruhnya agar tidak nanti kesesakan di satu tempat itu hanya dapat diselesaikan sekadar memindahkannya ke tempat-tempat lain pula. Setengah daripada cadangan-cadangan tersebut, khususnya rancangan-rancangan segera, telahpun dilaksanakan, umpamanya menubuhkan satu Unit Warden Lalulintas, mengadakan

sistem bas-bas mini dan menaikkan bayaran-bayaran letak kereta di kawasan pusat bandar. Sementara langkah-langkah yang sedang dalam proses pelaksanaan termasuklah kerja-kerja memperbaiki persimpangan-persimpangan jalan (intersection improvements) dan memperbaharui lampu isyarat di bawah sekim kawalan lalulintas kawasan. Selain daripada itu terdapat juga beberapa syor lain yang sedang dalam kajian yang lebih mendalam lagi seperti pembinaan lorong-lorong khas untuk bas dan mengenakan bayaran-bayaran tertentu bagi kenderaan yang melalui pusat bandar (area road pricing) dengan tujuan untuk mengurangkan kenderaan-kenderaan yang mempunyai muatan penumpang yang rendah memasuki atau melalui pusat bandar Kuala Lumpur (Vehicle Restraint System).

Perlu juga diterangkan di sini bahawa keutamaan dalam usaha-usaha bagi mengatasi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur ini ialah untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian.

Bagi menentukan perjalanan lalulintas yang lebih lancar dan lain-lain aspek yang berkaitan satu Jabatan yang dinamakan Jabatan Pengurusan Trafik (Traffic Management Department) telahpun ditubuhkan di Dewan Bandaraya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

Jambatan Batu Pahat dan Jambatan Muar

11. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan:

- (a) berapa jumlah peruntukan yang telah digunakan bagi membina jambatan Batu Pahat dan jambatan Muar;
- (b) berapa jumlah pungutan yang telah dapat dikutip dari kenderaan-kenderaan yang melalui kedua-dua jambatan yang tersebut sejak mula-mula lagi;
- (c) adakah jumlah pungutan itu telah dapat menampung perbelanjaan membina kedua-dua jambatan itu;
- (d) jika kutipan itu telah melebihi belanja membina jambatan-jambatan itu adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan bayaran tol di kedua-dua jambatan itu; dan

- (e) adakah Kerajaan sedar dengan adanya bayaran tol di kedua-dua jambatan itu menyebabkan terlambatnya pembangunan terutamanya dalam bidang perindustrian di kedua-dua kawasan yang tersebut selain daripada membebankan rakyat yang melalui jambatan-jambatan itu.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Kos pembinaan jambatan-jambatan yang berkenaan ialah:

Jambatan Batu Pahat ...	\$4,348,000.00
Jambatan Sultan Ismail, Muar	\$4,768,300.00

- (b) Jumlah kutipan tol yang dapat dipungut sehingga akhir tahun 1975 ialah:

Jambatan Batu Pahat ...	\$3,489,651.44
Jambatan Sultan Ismail, Muar	\$9,045,900.75

- (c) Dari angka-angka di (a) dan (b) dapat dilihat bahawa pungutan tol di jambatan Batu Pahat masih belum dapat menampung perbelanjaan pembinaan jambatan. Sementara pungutan di Jambatan Sultan Ismail, Muar telah pun mengatasi perbelanjaan pembinaan jambatan.

- (d) Soal samada kutipan yang dapat dipungut balik di kedua-dua rumah tol tersebut telah melebihi perbelanjaan pembinaan jambatan ataupun belum adalah merupakan salah satu daripada beberapa Faktor-faktor yang masih di dalam perhatian Kerajaan untuk menentukan masa hadapan kutipan tol di rumah-rumah tol tersebut. Setakat ini keputusan muktamad mengenai perkara ini belum dicapai lagi dan oleh itu kutipan tol akan terus dikutip di kedua-dua jambatan tersebut.

- (e) Kementerian saya sedar.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bekas Lapangan Terbang Tentera

12. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan bekas lapangan terbang tentera di Tanjung Labuh Batu Pahat, untuk satu-satu projek ketenteraan.

Jika ada, apakah rancangan yang tersebut dan bilakah akan dimulakan; dan

- (b) jika tidak ada rancangan adakah Kerajaan membenarkan sesuatu pihak swasta atau badan-badan berkanun atau pihak Kerajaan Negeri menggunakan tapak bekas lapangan terbang itu untuk satu-satu projek perindustrian atau perumahan atau sebagainya yang akan memberi faedah kepada rakyat terutamanya penduduk-penduduk setempat.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein Onn): Lapangan terbang Tanjung Labuh, Batu Pahat yang ditarifikkan sebagai sebuah landasan pendaratan kecemasan adalah juga digunakan sebagai kawasan latihan tentera, khasnya oleh tentera darat untuk latihan payung terjun dan "airsailing". Oleh hal yang demikian, Kementerian ini sudah tentu tidak dapat membenarkan landasan itu digunakan untuk tujuan-tujuan lain, kerana Angkatan Tentera memerlukan kawasan-kawasan latihan yang cukup memandangkan kepada rancangan-rancangan pembesarannya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Akta Bank Negara

13. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan yang berikut berkaitan dengan bank-bank perdagangan di dalam negeri ini:

- (a) jumlah bilangan bank-bank yang telah diambil tindakan terhadapnya kerana melanggar Akta Bank Negara;
- (b) yang telah didenda dan jumlah denda yang dipungut;
- (c) bilangan pengarah-pengarah yang telah didenda dan jumlah denda yang dipungut;
- (d) jumlah bilangan bank yang telah diarah supaya memberhentikan perkhidmatan pinjaman mereka; dan
- (e) jumlah bilangan yang telah menarik balik pinjaman mereka dan jumlah wangnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perjalanan bank-bank perdagangan di Malaysia dahulunya dikendalikan oleh Ordinan Bank 1958. Ordinan Bank ini telah dipinda dan disemak

pada tahun 1973 dan semenjak itu undang-undang tersebut dikenal sebagai Akta Bank 1973. Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 sebaliknya membuat peruntukan mengenai penubuhan, pentadbiran, kuasa-kuasa dan perjalanan Bank Negara Malaysia. Cuma beberapa peruntukan di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia yang ada kena mengena dengan perjalanan bank-bank perdagangan. Peruntukan-peruntukan yang menghendaki bank-bank perdagangan menyimpan jumlah harta cair minima, yang pada mulanya diperuntukan di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia, telah dipindahkan kepada Akta Bank pada tahun 1973. Tiada satu pun bank perdagangan yang telah melanggar peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia kecuali 2 bank yang telah didapati gagal mengikuti kehendak-kehendak minima kecairan pada masa kehendak-kehendak tersebut diperuntukkan di bawah Ordinan Bank Negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, berkaitan dengan pelanggaran oleh bank-bank perdagangan terhadap kehendak-kehendak Akta Bank 1973, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Sejumlah 13 buah bank-bank perdagangan telah didapati melanggar beberapa peruntukan Akta Bank dan tindakan-tindakan telah diambil terhadap mereka.
- (b) Sebanyak 10 buah bank-bank perdagangan telah didenda berjumlah \$327,082 kerana kesalahan yang telah dilakukan melanggar peruntukan Akta Bank.
- (c) Sebanyak 4 orang pengarah bank telah dikenakan denda sebanyak \$20,000.
- (d) Sebanyak 2 buah bank perdagangan telah diperintah untuk menghentikan perkhidmatan pinjaman mereka dan sebuah bank telah diminta menghentikan pemberian pinjaman yang baharu kepada orang-orang yang tertentu. Pembatasan yang dikenakan kepada 2 buah bank tersebut telah ditarik balik.
- (e) 5 buah bank telah diperintah untuk menarik balik perkhidmatan pinjaman mereka yang berjumlah \$43.3 juta.

KEMENTERIAN BURUH DAN TENAGA RAKYAT

Kesatuan-kesatuan Sekerja

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (i) jumlah bilangan kesatuan-kesatuan sekerja yang didaftar pada 31-12-1975, dan beri nama dan alamat kesatuan-kesatuan tersebut; dan
- (ii) jumlah bilangan pekerja-pekerja yang menjadi anggota kesatuan-kesatuan sekerja setakat ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (i) Jumlah bilangan kesatuan-kesatuan sekerja yang berdaftar pada 31-12-1975 adalah 350 (Semenanjung Malaysia 267, Sabah 25 dan Sarawak 58). Nama dan alamat kesatuan-kesatuan sekerja yang berdaftar adalah dicetak tiap-tiap tahun di dalam Laporan Tahunan Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja yang akan diterbitkan tidak lama lagi dan akan diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.
- (ii) Jumlah bilangan pekerja-pekerja yang menjadi anggota kesatuan-kesatuan sekerja setakat ini adalah 509,848 orang (Semenanjung Malaysia 479,246 orang, Sabah 12,024 orang dan Sarawak 18,578 orang).
- (i) The total number of trade unions registered on 31-12-1975 is 350 (Peninsular Malaysia 267, Sabah 25 and Sarawak 58). Names and addresses of all registered trade unions are published every year in the Annual Report of the Registry of the Trade Unions, will be published soon and will be forwarded to all Honourable Members.
- (ii) The total number of workers who are members of trade unions to date is 509,848 (Peninsular Malaysia 479,246, Sabah 12,024 and Sarawak 18,578).